



فليتا بروني  
PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.25 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.13 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 131

30 OKTOBER 2024 / 1446 ٢٦

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانيسش ايمان

"DAN berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak). Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhanmu". Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa', ayat 26 - 27.

## PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI REPUBLIK TÜRKİYE

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 29 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan; kerajaan serta rakyat Republik Türkiye bersempena dengan Hari Republik Türkiye.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan.

### Ekonomi keliling memperkasa inovasi teknologi hijau

Oleh : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 28 Oktober. - Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi menganjurkan Forum Ekonomi Mampang Brunei 2024 sebagai langkah penting dalam memajukan usaha negara ini ke arah ekonomi keliling yang berdaya tahan.

Lebih 130 orang pihak berkepentingan dari kerajaan, perniagaan dan akademik menghadiri forum yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Semasa berucap, Yang Berhormat menjelaskan bahawa bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), mengamalkan ekonomi keliling merupakan peluang utama bagi menggunakan sumber kita dengan lebih baik.

"Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kemampaman tetapi juga mewujudkan pekerjaan tempatan dan mendorong inovasi dalam teknologi hijau seterusnya membina daya tahan terhadap perubahan ekonomi global.

>> Muka 4

### Platform memantapkan kredibiliti da'ie dalam menyampaikan ceramah

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 28 Oktober. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Penyebaran Da'wah mengendalikan Program Mentoring Da'ie bersama penceramah undangan dari Malaysia, Asma Harun selama dua hari dari 24 hingga 25 Rabiulakhir 1446 Hijrah bersamaan 28 hingga 29 Oktober 2024.

Pengisian Program Mentoring Da'ie pada hari pertama sebelum pagi ialah Multaqa Da'ie, bertempat di Dewan Persidangan, PDI, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

>> Muka 3

### Memastikan latihan relevan dengan keperluan industri semasa

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

**BERAKAS**, Selasa, 29 Oktober. - Graduan yang diraikan hari ini telah melalui tempoh pengajian yang bukan sahaja membina kemahiran teknikal, tetapi juga membekalkan mereka dengan kecekapan yang diperlukan oleh industri. Dalam dunia yang semakin mencabar ini, kebolehpasaran graduan adalah ukuran penting kepada keberkesanannya program pendidikan yang disediakan.

Sehubungan itu, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; pengarah - pengarah, penolong - penolong pengarah, jemputan-jemputan khas dan para da'ie.

>> Muka 5

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

f Pelita Brunei @pelitabrunei X pelitabrunei

### Berita Utama



MOU memajukan penyelidikan tenaga mampan

Muka 6



PROGRAM Jalinan Silaturahim :  
Bantu pelajar kurang berkemampuan

Muka 8



BANTUAN kemanusiaan NBD tiba di Republik Filipina

Muka 11



RENCANA  
HENTIKAN body shaming

Muka 20



**MENTERI** Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2024 yang diadakan di Ruang Lobi, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) pada 12 Oktober 2024.

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
**Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarah**  
Ambiya Iwal Mursaleen, Sayyidina  
Muhammadin Wa'alaa Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een.  
**Assalamu'alaikum Warahmatullahi**  
**Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

**A**LHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, kita semua dapat hadir pada pagi ini di Majlis Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2024. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, para sahabat dan

# HALUAN

## Diagnosis tepat bantu elak komplikasi membahayakan nyawa

pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2024 di Negara Brunei Darussalam diraikan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan warga bidang kesihatan mengenai kepentingan keselamatan pesakit. Tema sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia pada tahun ini ialah 'Menambah Baik Diagnosis untuk Keselamatan Pesakit', yang memfokuskan kepada kepentingan dan ketepatan diagnosis dalam penjagaan kesihatan demi melindungi keselamatan pesakit.

Diagnosis yang tepat bukan sahaja memastikan pesakit menerima rawatan yang sesuai tetapi ia juga membantu mengelakkan komplikasi yang boleh membahayakan nyawa. Setiap tahun di seluruh dunia, terdapat jutaan kes di mana diagnosis yang tidak tepat boleh menyebabkan masalah serius, termasuk pemberian rawatan yang tidak sesuai, pengabaian terhadap keadaan kesihatan yang kritikal dan bahkan ada juga yang boleh membawa kepada kematian.

Menurut kajian di Amerika Syarikat, dianggarkan lebih daripada 12 juta orang dewasa mengalami kesilapan diagnosis setiap tahun. Ini adalah isu global yang memerlukan perhatian yang serius. Kesilapan diagnosis juga boleh memberi impak yang besar, bukan saja dari segi kos rawatan yang meningkat tetapi juga boleh menyebabkan pesakit untuk berada di hospital dalam tempoh jangka masa yang lama dan boleh memberikan kesan psikologi bukan sahaja kepada pesakit tersebut, bahkan juga kepada ahli keluarga mereka.

Oleh yang demikian, intervensi perlulah dilakukan untuk memperbaiki keselamatan

pesakit merujuk kepada langkah-langkah untuk melindungi pesakit daripada kesilapan, jangkitan dan insiden yang boleh berlaku dalam sistem kesihatan. Menurut statistik, kesilapan dalam penjagaan kesihatan merupakan salah satu penyebab utama komplikasi dan kematian yang boleh dicegah. Justeru itu, ada beberapa matlamat utama yang telah digariskan bagi meningkatkan keselamatan pesakit seperti berikut:

1. Pencegahan Jangkitan : Memastikan langkah-langkah pencegahan jangkitan diterapkan dengan ketat seperti kebersihan tangan dan sterilisasi peralatan;

2. Keselamatan Pembedahan: Menggunakan senarai semak pembedahan untuk memastikan semua prosedur keselamatan diikuti sebelum, semasa dan selepas pembedahan;

3. Pengurusan Ubat yang Betul: Memastikan pesakit menerima ubat yang tepat dengan dos yang betul pada waktunya;

4. Peningkatan Diagnosis yang Betul: Meningkatkan ketepatan diagnosis untuk memastikan pesakit menerima rawatan yang bersesuaian dan berkesan; dan

5. Komunikasi yang Berkesan: Meningkatkan komunikasi antara ahli-ahli profesional kesihatan dan pesakit di mana pesakit diberikan maklumat yang mencukupi tentang prosedur dan risiko yang terlibat.

Sambutan pada hari ini juga akan memfokuskan mengenai aspek keselamatan pembedahan. Pembedahan sering kali dibuat sebagai intervensi yang menyelamatkan nyawa tetapi pembedahan juga boleh membawa risiko yang tidak dapat dielakkan. Statistik menunjukkan bahawa

komplikasi pembedahan masih berlaku dan boleh membawa kepada kesan yang serius. Pembedahan yang tidak selamat boleh menyebabkan jangkitan, kesilapan semasa pembuatan prosedur dan bahkan boleh menyebabkan kematian.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan telah pun merangkakan satu Dasar Keselamatan Pembedahan ataupun Safe Surgery Policy yang mana dasar ini merujuk kepada senarai semak daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu WHO Surgical Safety Checklist. Dasar ini menyenaraikan senarai semak yang perlu dilakukan oleh semua ahli profesional kesihatan yang terlibat dalam bilik pembedahan, termasuk sebelum pemberian bius (*anesthesia*), sebelum memulakan pembedahan dan selepas pembedahan bagi mengurangkan risiko-risiko yang berkaitan semasa menjalankan pembedahan.

Justeru itu, semua doktor dan jururawat adalah disarankan untuk memahami dan membiasakan diri mengikuti langkah-langkah yang telah digariskan di dalam dasar ini. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat yang telah banyak berusaha untuk merangkakan dokumen dasar ini bagi meningkatkan keselamatan pesakit dan tahap kualiti yang menjalani pembedahan.

Akhir sekali, marilah kita sama-sama mengingatkan bahawa keselamatan pesakit bukan sahaja tanggungjawab - ia juga adalah komitmen yang kita buat antara satu sama lain. Dengan mengutamakan keselamatan pesakit, kita juga menghormati kepercayaan yang diberikan oleh pesakit kepada kita dan berusaha untuk memastikan kesejahteraan mereka.

Sekian. *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## SIDANG PENGARANG 30 OKTOBER 2024

### Jauhi perbuatan rasuah

**S**IFAT amanah adalah sangat penting dan dituntut dalam Islam di mana ia wajib ditanai dengan sebaik-baiknya dalam menunaikan sesuatu pekerjaan dan sebagainya.

Dengan adanya sifat tersebut dapat menjadikan seseorang itu menjadi seseorang yang berdisiplin, cekap, taat dan boleh dipercayai untuk melaksanakan sesuatu tugas yang dipertanggungjawabkan.

Dalam melaksanakan sesuatu amanah, gejala rasuah merupakan sesuatu yang perlu dihindari kerana bukan sahaja haram di sisi Islam malah boleh menimbulkan kesan serta implikasi yang buruk kepada ekonomi, politik, sosial dan budaya.

Rasuah diibaratkan sebagai penyakit yang boleh merebak kepada masyarakat yang berlaku tanpa mengira golongan atau kedudukan dalam semua lapisan masyarakat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan kita semua agar sentiasa menjauhi perbuatan rasuah kerana perbuatan tersebut adalah antara perkara yang amat dibenci dan dilaknat oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang bermaksud, "Dari pada Abdullah bin Amru katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah melaknat pemberi rasuah dan orang yang menerima rasuah".

Rasuah berlaku antaranya disebabkan kurangnya keimanan dan ketakwaan. Seseorang itu melakukan rasuah kerana ingin mendapat imbuhan dan ganjaran. Selain itu, tekanan hidup seperti terlalu banyak hutang juga menjadi salah satu penyebab terjerumusnya seseorang dalam gejala rasuah. Kerana ingin hidup mewah dan senang ditambah dengan sifat tamak juga kalanya mendorong seseorang melakukan rasuah.

Sesungguhnya agama Islam milarang umat-Nya memakan sesuatu daripada sumber pendapatan yang haram sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 127, yang maksudnya, "Wahai manusia, makanlah makanan dari apa yang ada di muka bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya ia (syaitan) adalah musuh yang nyata bagi kamu".

Rasuah juga boleh dicegah dengan menetapkan keimanan dan mengukuhkan jati diri. Keimanan dan keperibadian yang tinggi merupakan benteng yang paling ampuh untuk menghindarkan diri dari terjebak dengan gejala rasuah. Apabila setiap individu dapat menanamkan sifat bencikan rasuah dalam diri maka gejala rasuah akan dapat diatasi. – Ketua Penyuntingan (Zk)

| WAKTU SEMBAHYANG |        |      |             |        |       |       |        |      |       |      |         |       |
|------------------|--------|------|-------------|--------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| OKTOBER          | MASIH  | HARI | RABIULAKHIR | HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| 30               | RABU   | 26   | 4.36        | 4.46   | 6.05  | 6.28  | 12.05  | 3.25 | 6.03  | 7.13 |         |       |
| 31               | KHAMIS | 27   | 4.36        | 4.46   | 6.05  | 6.28  | 12.05  | 3.25 | 6.02  | 7.13 |         |       |
| 1                | JUMAAT | 28   | 4.36        | 4.46   | 6.05  | 6.28  | 12.05  | 3.25 | 6.02  | 7.13 |         |       |
| 2                | SABTU  | 29   | 4.36        | 4.46   | 6.06  | 6.29  | 12.05  | 3.25 | 6.02  | 7.13 |         |       |
| 3                | AHAD   | 1    | 4.36        | 4.46   | 6.06  | 6.29  | 12.05  | 3.25 | 6.02  | 7.13 |         |       |
| 4                | ISNIN  | 2    | 4.36        | 4.46   | 6.06  | 6.29  | 12.05  | 3.25 | 6.02  | 7.13 |         |       |
| 5                | SELASA | 3    | 4.36        | 4.46   | 6.06  | 6.29  | 12.05  | 3.26 | 6.02  | 7.13 |         |       |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

| RAMALAN CUACA 3 HARI  |        |        |
|---|--------|--------|
| RABU  | KHAMIS | JUMAAT |
| Bandar Seri Begawan   |        |        |
| 33 °C   | 32 °C  | 33 °C  |
| 25 °C   | 25 °C  | 25 °C  |
| Pekan Bangar  |        |        |
| 33 °C   | 32 °C  | 33 °C  |
| 25 °C   | 25 °C  | 24 °C  |
| Pekan Tutong  |        |        |
| 32 °C   | 32 °C  | 33 °C  |
| 25 °C   | 25 °C  | 25 °C  |
| Kuala Belait  |        |        |
| 31 °C   | 31 °C  | 33 °C  |
| 25 °C   | 25 °C  | 24 °C  |
| Wallauhalam Bissawab  |        |        |
| Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi |        |        |

www.mef.gov.bn

Nota : Akbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# PEMERINTAH TUDB DIANUGERAHKAN DARJAH KEPAHRAWANAN ANGKATAN TENTERA

**Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**

**KUALA LUMPUR, MALAYSIA,**  
Selasa, 29 Oktober. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, telah berkenan mengurniakan Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera (DKAT) Darjah Pertama Tahun 2024 sempena Hari Angkatan Tentera Malaysia yang Ke-91, Panglima Gagah Angkatan Tentera (PGAT) Kehormat kepada Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Mohammad Sharif bin Dato

Paduka Haji Ibrahim.  
Upacara Istiadat Pengurniaan DKAT Malaysia Tahun 2024 telah berlangsung di Balairung Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur.  
Penganugerahan berkenaan

merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan ke atas sumbangan Pemerintah TUDB dalam menyumbang ke arah meningkatkan dan mengukuhkan hubungan dua hala serta kerjasama erat di antara TUDB dan Tentera Udara Diraja Malaysia.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar berkenan mengurniakan Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera (DKAT) Darjah Pertama Tahun 2024 sempena Hari Angkatan Tentera Malaysia yang Ke-91, Panglima Gagah Angkatan Tentera (PGAT) Kehormat kepada Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim.**



## Platform memantapkan kredibiliti da'ie dalam menyampaikan ceramah



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada program berkenaan (atas dan atas kanan).

### >> Muka 1

Seramai 200 orang terdiri daripada para pegawai dan da'ie KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya serta pegawai dan da'ie undangan PDI menyertai Multaqa Da'ie berkenaan.

Multaqa Da'ie dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatiha dan Doa Peliharakan Sultan dan NBD oleh Awang Muskrisman Safari bin Haji Awang Mustapa diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah PDI, KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Awang Haji Abdul Rajid dalam ucapan alu-aluannya menyatakan melalui program berkenaan akan dapat mencetus semangat berdakwah dalam kalangan para da'ie yang bukan sahaja dari kalangan pegawai yang berkhidmat di KHEU, malah rakan-rakan da'ie yang diundang serta menyuburkan tunas-tunas da'ie dari kalangan belia-belia di bawah Program Keugamaan Belia KHEU serta tidak ketinggalan para da'ie yang

diberikan tauliah dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

"Kehadiran biskita semua membuktikan komitmen para da'ie dalam kerja-kerja dakwah serta dapat menimba ilmu khususnya kepentingan metode-metode dakwah melalui media, agar dapat memantapkan kredibiliti para da'ie dalam menyampaikan ceramah serta memberikan idea-idea baharu kepada da'ie di NBD untuk menghadapi cabaran dakwah masa kini."

"Alhamdulillah wa syukurillah, PDI, KHEU juga amat berbesar hati dengan kehadiran Asma Harun, penceramah yang tidak asing yang akan menyampaikan ceramah khas pada Majlis Multaqa Da'ie pada pagi ini."

"Semoga majlis seperti ini akan menjadi platform yang bermanfaat untuk kita semua dan akan dapat meningkatkan lagi kualiti dan kredibiliti khususnya para da'ie NBD."

"Marilah kitani bersama-sama mengambil peluang ini untuk berbincang, berkongsi idea, dan

memperbaharui semangat dalam usaha menegakkan kalimah Allah Subhanahu Wata'ala dan semoga segala perkongsian pada hari ini dapat memberi inspirasi dan manfaat kepada kita semua," jelas Awang Haji Abdul Rajid lagi.

Tema program ialah 'Da'wah dan Media Sosial : Peluang dan Cabaran' berkenaan menekankan pentingnya media sosial sebagai platform penyampaian mesej dakwah dalam era digital masa kini.

Program yang memfokuskan kepada cabaran dan peluang yang ada dalam menggunakan media sosial sebagai alat penyebaran dakwah.

Antara lain, tujuan Program Mentoring Da'ie berkenaan adalah sebagai platform kepada para da'ie untuk berinteraksi dengan ulama di samping menimba ilmu dan memperkuat kredibiliti pegawai PDI dalam menyampaikan ceramah.

Selain itu, ia juga untuk memberi motivasi kepada da'ie di NBD untuk menghadapi cabaran dakwah masa kini.

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya  
Foto : Mohammad Hasif Matzin




**BDMD**  
Brunei Darussalam Meteorological Department


● ● ○ ○ ○

**ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN**

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

# BANGUNAN PERSATUAN AFSA DIRASMIKAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Persatuan AFSA yang diadakan di Diplomatic Enclave, Jalan Kebangsaan, Berakas (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BERAKAS**, Isnin, 28 Oktober. - Persatuan Pemedulian Sokongan Selepas Penjagaan (Aftercare Support System - AFSA) petang tadi mengadakan Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Persatuan AFSA yang diadakan di Diplomatic Enclave, Jalan Kebangsaan, Berakas, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejah General (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Dipertua Persatuan AFSA,

Dayang Hajah Juhana binti Haji Mohd. Jaya yang antara lain menjelaskan Persatuan AFSA pada masa ini sedang mengungkayahkan tiga projek.

"Pertama, memberi latihan dan kemahiran kepada rakan-rakan seliaan yang berminat dalam pertanian khususnya penanaman sayuran menggunakan rumah hijau (green house).

Kedua ialah projek penerusan Hafazan Al-Quran bagi

rakan-rakan seliaan yang sebelum ini telah mengikuti Program Hafazan Al-Quran yang dikendalikan oleh Jabatan Penjara.

Ketiga ialah pengendalian Bengkel Keberkesanan Rehabilitasi dan Reintegrasi kepada Ahli-ahli AFSA, Pusat Integrasi dan rakan-rakan seliaan," jelas beliau lagi.

Tambahnya lagi, kesemua projek berkenaan adalah atas bantuan dana yang telah disumbangkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 5 Julai 2024 yang lalu.

Acara kemudian diteruskan lagi dengan Perasmian Bangunan Persatuan AFSA dan penandatanganan Plak Perasmian Bangunan Persatuan AFSA oleh tetamu kehormat.

Majlis seterusnya diikuti dengan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dijemput untuk membuat lawatan ke bangunan berkenaan dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Persatuan AFSA mula berdaftar dengan ROS (Registar of Society) Pasukan Polis Diraja Brunei pada 4 Ogos 2020, sementara Protom AFSA pula telah diasaskan pada 8 September 2018 oleh Pusat Kaunseling dan Seliaan, Jabatan Penjara.

Objektif utama AFSA antara lain adalah untuk membantu Jabatan Penjara mengurangkan kemasukan berulang-ulang, dengan kerjasama Pertubuhan



Badan Bukan Kerajaan (NGO), Rakan-rakan Strategik menerusi pendekatan senegara untuk membantu mereka setelah dibebaskan.

Ia juga untuk membantu dan menyantuni mereka agar dapat hidup dan bersosialisasi dalam masyarakat, selain untuk mendapatkan pekerjaan atau keusahawanan yang setimpal dengan kelayakan dan kemahiran mereka agar dapat meneruskan kehidupan dengan lebih baik dan kondusif.

Seterusnya untuk mengurangkan gejala-gejala sosial yang tidak diingini, sambil menyuhi Wawasan Brunei 2035 agar Rakan Seliaan (RS) dapat menjadi warga masyarakat yang berkualiti dan harmoni berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

## Ekonomi keliling memperkasa inovasi teknologi hijau



Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

perhutanan) dan Sektor Pelancongan, khususnya dalam pemuliharaan dan penjanaan semula sumber.

Dalam memajukan sektor makanan dan memastikan sekuriti makanan bagi negara ini dalam jangka masa panjang, antara inisiatif adalah pelaksanaan konsep fasa awal Regenerative Agriculture bagi meningkatkan hasil dengan menambah baik kesihatan dan kesuburan tanah secara mampan dalam pengeluaran padi dan tanaman.

Ini melibatkan penggunaan prinsip keliling ekonomi di mana perniagaan-perniagaan tempatan tertentu yang mengumpulkan sisa atau najis ayam dari ladang atau sisa makanan dan mengubahnya kepada kompos (baja organik) untuk penambahbaikan tanah di ladang padi dan sayur.

Ekonomi keliling dalam Sektor Perikanan pula menggalakkan kemampaman dengan menggunakan sumber secara cekap dan meminimumkan sisa melalui amalan seperti Aquaponics and Recirculating Aquaculture Systems (RAS).

Kaedah ini, kata Yang Berhormat, mengitar semula air dan nutrien, mengurangkan impak alam sekitar, menyokong pengeluaran makanan tempatan dan meningkatkan kecekapan sumber.

Dalam bidang perikanan pula, NBD telah menubuhkan Marine Protected Areas (MPA) dalam kawasan pesisir Perairan Brunei yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti sumber marin dan meningkatkan sekuriti makanan melalui perlindungan dan memulihara warisan semula jadi marlin kita, khususnya tapak semai hidupan marin dan tempat pembiakan di perairan negara ini.

Di NBD juga, kata Yang Berhormat, hutan meliputi sekitar 72 peratus daripada jumlah keluasan tanah, menunjukkan komitmen negara ini untuk memelihara ekosistem penting dan mempertingkatkan peranan hutan dalam mitigasi iklim.

NBD turut mengamalkan Pengurusan Hutan Mampan yang menggalakkan penggunaan sumber hutan secara bertanggungjawab, memastikan bahawa kayu dan produk bukan kayu adalah dituai dengan cara yang melindungi kesihatan ekosistem dan membenarkan untuk regenerasi semula jadi.

Yang Berhormat menekankan bahawa sektor swasta juga memainkan peranan penting, dengan syarikat tempatan menerima pakai model perniagaan mampan yang mengutamakan kecekapan sumber dan pengurangan sisa.

Secara keseluruhannya, NBD sedang mengorak langkah besar ke arah mewujudkan ekonomi keliling melalui dasar kerajaan, strategi pengurusan sisa awam, usaha pendidikan, kerjasama antarabangsa, dan penyertaan sektor swasta.

Walaupun cabaran masih ada, ujar Yang Berhormat, komitmen daripada semua agensi berkaitan menunjukkan trajektori yang positif ke arah mencapai matlamat kemampaman yang sejajar dengannya prinsip ekonomi keliling.

Terdahulu, Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Bruneidan Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies, Haslina Taib, dalam ucapan alu-aluannya menekankan peluang Brunei untuk memanfaatkan amalan ekonomi keliling untuk mencapai SDGs.

Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan Brunei APEC dan Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Brunei, Pengiran Aki



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Ekonomi Mampan Brunei 2024.

Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim pula berucap menekankan peranan penting teknologi dan inovasi baharu dalam mendapatkan kemampaman makanan dan meminimumkan sisa, selain kepentingan perkongsian teguh yang berasaskan kepercayaan dan ketelusan di seluruh rantaian bekalan makanan.

Forum itu antara lain diisi dengan kelas induk yang diketuai oleh Profesor Scott Valentine daripada Universiti Brunei Darussalam, yang memberikan perspektif berdasarkan data tentang potensi kesan ekonomi keliling terhadap pembangunan ekonomi Brunei.

Sesi itu menekankan bahawa mengguna pakai model ekonomi keliling adalah penting bagi NBD untuk memenuhi sasaran pertumbuhan ekonomi sambil meminimumkan kesan alam sekitar.

Forum ini juga menampilkan pandangan praktikal daripada pakar dan pemimpin industri, termasuk Pengasas Bersama ASEAN Circular

Economy Business Alliance, Rene van Berk; Tan Zhi Ying dari PBB Global Compact Malaysia dan Brunei; dan Ketua Pegawai Eksekutif Jejakin, Arfan Arlanda yang akan mengongsikan strategi organisasi masing-masing ke arah usaha kemampaman.

Selain itu forum juga akan membincangkan tajuk 'The Business View : How Can Brunei's Private Sector Get Involved?' yang menampilkan panel-panel dari TotalEnergies, Brunei LNG dan ASEAN Circular Economy Business Alliance, yang membincangkan cara-cara untuk memupuk amalan mampan di sektor swasta di negara ini.

Forum juga akan menampilkan pembentangan daripada Tahnin Wong Abdullah dan Anna Aziz dari Poni Group, yang memamerkan kejayaan Ocean Week Brunei, dalam menggariskan impak perkongsian awam-swasta dalam matlamat kemampaman kebangsaan.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berucap.

#### >> Muka 1

Menurut Yang Berhormat lagi, kerjasama erat antara pihak industri dan Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah kunci utama bagi memastikan kesesuaian kemahiran yang diajar dengan kehendak pasaran. Institusi ini telah membina jaringan kerjasama yang kukuh dengan pelbagai sektor industri.

"Ini bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran graduan, malah memastikan latihan yang diberikan relevan dengan keperluan sebenar industri. Saya percaya kerjasama ini perlu diperkuatkan lagi untuk memastikan graduan kita terus



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para graduan bagi sesi petang (atas), manakala gambar bawah kanan, antara graduan yang diraikan.

**BERAKAS**, Selasa, 29 Oktober. - Seramai 1,512 graduan berjaya menerima sijil dalam pelbagai latihan pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Ke-32, hari ini.

Daripada jumlah berkenaan, 47 graduan terdiri daripada pelatih lepasan Akademik Pendidikan teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), 52 lepasan graduan Diploma (Level 5), 800 graduan HNTec, 522 graduan NTec dan 91 graduan lagi adalah daripada Sijil Kelayakan Kemahiran Perindustrian (ISQ).

Majlis diadakan dalam dua sesi, iaitu pagi dan petang di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para graduan pada sesi sebelah pagi ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Tingkat 1, Masjid Sufri Bolkiah Perpindahan Berakas, Awang Abdul Razak bin Samat dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada pelajar IBTE Agro-Technology & Applied Sciences, Awang Wafri Ilmi



# BIBD TERIMA KEAHLIAN DALAM UNITED NATIONS GLOBAL COMPACT



PENGARAH Eksekutif UN Global Compact Network Malaysia & Brunei, Faroze Nadar semasa menyampaikan keahlian BIBD kepada pihak BIBD.

## BANDAR SERI BEGAWAN,

Selasa, 29 Oktober. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dengan sukacitanya mengumumkan bahawa baru-baru ini, BIBD telah menerima keahliannya dalam inisiatif United Nations Global Compact (UNG), satu inisiatif sukarela untuk pembangunan, pelaksanaan dan pendedahan amalan perniagaan yang bertanggungjawab.

Dengan pencapaian berkenaan, BIBD menerajui sektor kewangan di Negara Brunei Darussalam (NBD) serta sektor swasta yang ditubuhkan secara tempatan, menetapkan standard untuk kelestarian, yang merupakan pembeza utama dalam industri

perbankan, serta sektor swasta.

Dengan menyertai UNGC, BIBD menyelaraskan dirinya dengan lebih daripada 20,000 syarikat di seluruh dunia yang komited untuk mengambil tindakan perniagaan yang bertanggungjawab demi mencipta dunia yang lebih baik.

UNG menggesa syarikat-syarikat untuk mengintegrasikan Sepuluh Prinsip Universal (Ten Universal Principles) yang berkaitan dengan hak asasi manusia, buruh, alam sekitar dan anti-rasuah ke dalam strategi mereka, menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals-SDGs).

Hadir untuk menyampaikan

keahlian kepada BIBD ialah Pengarah Eksekutif UN Global Compact Network Malaysia & Brunei, Faroze Nadar, iaitu rangkaian negara bagi UNGC. Turut hadir ialah Ketua Perhubungan Ahli di UN Global Compact Network Malaysia & Brunei, Tan Zhi Ying.

Menerima keahlian bagi pihak BIBD, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Awang Junaidi bin Haji Masri.

Keahlian BIBD mengukuhkan lagi usaha kelestariannya yang berterusan, berteraskan Rangka Kerja Kelestarian dan Pelan Hala Tuju yang dilancarkan pada 2021.

Pelan hala tuju komprehensif berkenaan menggariskan visi

## ■ Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

jangka panjang BIBD untuk memupuk pertumbuhan ekonomi di NBD sambil mempromosi tanggungjawab alam sekitar dan sosial.

Sebagai sebahagian daripada komitmennya, BIBD telah menjanjikan untuk menyediakan pembiayaan BND2 bilion menjelang 2030 untuk menyokong projek-projek berkaitan kelestarian.

"Menyertai UNGC memberi kami akses kepada pelbagai peluang pembelajaran dan sumber yang memperkasa kami untuk menyokong UNSDG 2030 dan Net Zero 2050 dengan lebih baik."

"Alhamdulillah, pencapaian ini mengukuhkan dedikasi kami untuk memacu perubahan positif, bukan sahaja untuk institusi kami tetapi untuk komuniti yang lebih luas di NBD dan kami akan terus membawa agenda kepada khalayak yang lebih luas dalam kalangan pemegang kepentingan kami bagi memastikan pendekatan inklusif berterusan, dan tidak meninggalkan sesiapa di belakang," kata Awang Junaidi.

Agenda kelestarian BIBD selaras dengan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim NBD dan menyokong komitmen negara terhadap UNSDG, menjadikan BIBD adalah pemain utama dalam usaha kelestarian di peringkat tempatan dan global.

Melalui inisiatif strategiknya, BIBD berhasrat untuk memberikan sumbangan yang signifikan kepada peralihan NBD ke arah ekonomi rendah karbon sambil menangani cabaran alam sekitar global.

Memorandum Persefahaman (MoU) BIBD dengan Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim NBD (Brunei National Climate Change

Council-BNCCC) yang dimeterai pada 2022 menyerlahkan kerjasama aktifnya dalam matlamat kelestarian negara. Melalui perkongsian berkenaan, BIBD menyumbang kepada kemajuan inisiatif ketahanan iklim kritis yang akan membentuk masa depan NBD.

Di samping itu, BIBD komited untuk memberi manfaat secara langsung kepada pelanggan dan komunitinya melalui amalan kelestarian. BIBD secara aktif menggalakkan perniagaan tempatan untuk mengamalkan amalan yang lebih hijau, memastikan kesan alam sekitar dan masyarakat yang positif. Usaha berkenaan juga mewujudkan landskap kewangan yang lebih inklusif dan berdaya tahan untuk NBD.


Sebagai peserta dalam UNGC, BIBD akan memastikan ketelusan melalui Komunikasi Mengenai Kemajuan (Communication on Progress-COP), melaporkan pencapaian kelestariannya setiap tahun.

Komitmen BIBD ke arah menegakkan Maqasid Syariah, sokongan untuk UNSDG, serta keselarasan dengan Wawasan Brunei 2035, meletakkan BIBD di barisan hadapan dalam usaha mewujudkan masa depan yang lebih berdaya tahan dan mampan untuk negara.

Turut hadir menyaksikan peristiwa penting berkenaan ialah Ketua Sekretariat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri, Awang Ahmad Zaiemaddien bin Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; dan pasukan pengurusan kanan BIBD.



■ Taburan Eksport Mengikut Rakan Dagangan



## Jumlah perdagangan Ogos 2024 meningkat 2.9 peratus

dagangan import adalah dari Malaysia sebanyak 39.8 peratus, diikuti Australia sebanyak 10.5 peratus dan Republik Rakyat China sebanyak 10.3 peratus.

Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah bahan api galian, jentera dan kelengkapan pengangkutan dan makanan.

Secara keseluruhan, imbalan perdagangan meningkat sebanyak 30.0 peratus, disebabkan peningkatan eksport sebanyak 7.3 peratus dengan nilai import mencatatkan penurunan sebanyak 3.6 peratus.


Import bagi kategori penggunaan akhir, terutamanya digunakan sebagai pemprosesan barang perantaraan sebanyak 58.9 peratus, diikuti barang modal bagi operasi perniagaan sebanyak 37.3 peratus dan barang penggunaan bagi kegunaan isi rumah sebanyak 3.8 peratus.

Laporan Perangkaan Perdagangan Barang Antarabangsa bagi Ogos 2024 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di <https://deps.mofe.gov.bn>.

Website: deps.mofe.gov.bn  
Email: info.statistics@pes.gov.bn  
Instagram: @statistics.jpes

جاین فلوجن ایکوئومی دان ستاتیسٹیک  
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
BRUNEI DARUSSALAM

### PERANGKAAN PERDAGANGAN BARANG ANTRABANGSA OGOS 2024



## ■ Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN,  
Selasa, 29 Oktober. - Jumlah perdagangan bagi Ogos 2024 meningkat sebanyak 2.9 peratus kepada BND2,025.8 juta, berbanding Julai 2024.

Peningkatan berkenaan adalah disumbangkan oleh nilai eksport sebanyak BND1,260.4 juta dan nilai import sebanyak BND765.4 juta.

Penyumbang utama kepada nilai eksport adalah bahan api galian sebanyak 75.5 peratus, diikuti bahan kimia sebanyak 18.9 peratus dan jentera serta kelengkapan pengangkutan sebanyak 4.8 peratus.

Pasaran eksport utama

ialah Republik Rakyat China yang merangkumi 17.2 peratus, diikuti Jepun dan Australia masing-masing sebanyak 16.1 peratus dan 14.7 peratus.

Komoditi eksport terbesar ke negara-negara berkenaan adalah bahan api galian dan bahan kimia.

Manakala import pada Ogos 2024 bernilai BND765.4 juta. Tiga komoditi import utama adalah bahan api galian, menyumbang sebanyak 63.4 peratus, diikuti jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 10.9 peratus dan makanan sebanyak 8.3 peratus.

Sumbangan terbesar rakan

# PROGRAM JALINAN SILATURAHIM : BANTU PELAJAR KURANG BERKEMAMPUAN



SEKITAR Program Jalinan Silaturahim Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam (JPI) bagi Tahun 2024 Masihi / 1446 Hijrah yang berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut (atas dan bawah kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 28 Oktober. – Seramai 10 murid persekolahan ugama dari Kawasan Brunei IV menerima sumbangan derma semasa Program Jalinan Silaturahim Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam (JPI) bagi Tahun 2024 Masihi / 1446 Hijrah yang berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut, di sini.

Penyampaian sumbangan berkenaan disempurnakan oleh Ketua Bahagian Kenaziran, JPI, Dayang Hajah Ernie Yusnani binti Haji Md. Noor.

Program Jalinan Silaturahim merupakan anjuran Bahagian Kenaziran, JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Program Jalinan Silaturahim berkenaan merupakan inisiatif tahunan Bahagian Kenaziran, JPI bagi membantu murid-murid

persekolahan ugama yang kurang berkemampuan dengan menghulurkan sumbangan berupa barang-barang keperluan seperti peralatan serta pakaian seragam sekolah dan lain-lain.

Dengan adanya program berkenaan adalah diharaskan sekurang-kurangnya dapat meringankan beban yang dipikul oleh para ibu bapa murid berkenaan dan menjadi pemangkin kepada murid-murid untuk lebih bersemangat dalam menuntut ilmu dan seterusnya beroleh kejayaan dalam pembelajaran.




Laman sesawang: deps.mofe.gov.bn  
E-mel: info.statistics@jpes.gov.bn  
Instagram: @statistics.jpes

جایان فلانجن ایکونومی دان ستاتیسٹک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
BRUNEI DARUSSALAM

## INDEKS HARGA PENGGUNA

SEPTEMBER 2024



## IHP September 2024 menurun 0.4 peratus

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 28 Oktober. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi September 2024 menunjukkan penurunan sebanyak 0.4 peratus berbanding September 2023.

Ini adalah didorong oleh penurunan indeks makanan dan minuman ringan dan indeks bukan makanan masing-masing sebanyak 0.4 peratus dan 0.5 peratus.

Penurunan bagi indeks makanan dan minuman ringan adalah didorong oleh penurunan harga daging (1.7 peratus), terutamanya harga makanan daging yang berproses dan harga minyak dan lemak (6.4 peratus), terutamanya berikutan penurunan harga minyak masak.

Sementara itu, penurunan indeks bukan makanan adalah terutamanya disebabkan oleh penurunan harga perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (1.3 peratus), khususnya kos penyelenggaraan dan pembaikan tempat kediaman.

Selain itu, harga pengangkutan (0.7 peratus) juga turut menyumbang kepada penurunan indeks bukan makanan, terutamanya bagi harga kenderaan.

indeks bukan makanan adalah terutamanya disumbang oleh harga pengangkutan (1.9 peratus) dan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (0.3 peratus).

IHP mengukur perubahan harga buku barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi September 2024 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.

**SELAIN itu, harga pengangkutan (0.7 peratus) juga turut menyumbang kepada penurunan indeks bukan makanan, terutamanya bagi harga kenderaan.**

**Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP September 2024 menurun sebanyak 0.3 peratus daripada Ogos 2024, berikutan penurunan bagi indeks makanan dan minuman ringan dan indeks bukan makanan masing-masing sebanyak 0.2 peratus dan 0.3 peratus.**

# MENINGKATKAN KEBERKESANAN, MEMPERKUKUH EKOSISTEM OSH



KETUA Pegawai Eksekutif Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad semasa hadir pada bengkel tersebut.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 29 Oktober. - Pengesahan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organization - ILO) 187 adalah selaras dengan Wawasan Brunei 2035, iaitu dengan memberi keutamaan kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pengesahan tersebut secara tidak langsung menyokong tonggak utama Wawasan Brunei 2035.

Pertama ialah matlamat untuk mencapai kualiti hidup yang tinggi bagi semua rakyat melalui penyediaan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

Kedua ialah memupuk ekonomi yang lestari dan berdaya tahan dengan meningkatkan produktiviti serta mengurangkan beban ekonomi akibat kemalangan dan penyakit di tempat kerja.

Akhir sekali, pengesahan berkenaan menyokong pembangunan masyarakat yang adil dan saksama dengan melindungi hak serta kesejahteraan para pekerja.

Perkara berkenaan antara yang dinyatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad dalam ucapan alu-aluannya semasa Bengkel Kerjasama Di Antara SHENA dan ILO Untuk Memperkuuhkan Piawaian-piawaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Di Brunei Darussalam yang diadakan di Hotel Radisson, di sini.

Menurutnya lagi, dalam usaha mereka membina tempat kerja yang selamat dan sihat bersama-sama, mereka juga ingin menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan, di

samping meningkatkan reputasi Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk pertumbuhan dan pembangunan serta menunjukkan komitmen sosial terhadap perlindungan kesejahteraan asas pekerja sebagai keutamaan.

Dalam merealisasikan pelaksanaan Konvensyen ILO 187 tambahnya, agensi kerajaan yang berkaitan, badan pengawalseliaan dan industri perlu bersatu untuk merangka strategi keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang komprehensif (Occupational Safety and Health - OSH), mempertimbangkan pelaburan dalam latihan dan pembinaan kapasiti, serta mempromosi kerjasama antara rakan-rakan kongsi tiga pihak, iaitu kerajaan, majikan, dan pekerja.

Awang Haji Muhsin seterusnya berkata kemungkinan besar akan ada cabaran yang berkaitan dalam pematuhan piawaian konvensyen seperti sumber yang terhad, kekurangan kesedaran dan pemahaman tentang keperluan konvensyen, pelaksanaan undang-undang dan peraturan

SEKITAR bengkel berkenaan (atas dan bawah).



keselamatan dan kesihatan pekerjaan (Occupational Safety and Health-OSH) yang berkesan, terutamanya dalam sektor yang kurang dikawal seperti pekerjaan tidak formal dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), dan sikap budaya yang tidak sesuai untuk mengutamakan kemajuan kewangan berbanding keselamatan kerja.

Walau bagaimanapun jelasnya, dengan bekerja dan menyelesaikan halangan bersama, kita boleh memastikan bahawa prinsip-prinsip Konvensyen ILO 187 dilaksanakan dengan berkesan, yang membawa kepada tempat kerja yang lebih selamat, sihat dan lebih produktif.

Bengkel dua hari yang diadakan bermula hari ini hingga 30 Oktober 2024, dianjurkan oleh SHENA dengan kerjasama ILO dan ia merupakan sebahagian daripada misi pakar ILO ke NBD dalam mendukung usaha-usaha negara untuk meningkatkan keberkesan dan memperkuuh lagi ekosistem OSH selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dalam mencapai amalan-amalan dan menggalakkan bertaraf dunia dari segi keselamatan dan kesihatan dalam semua industri.

Hadir semasa bengkel pertama berkenaan ialah wakil-wakil daripada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk agensi kerajaan, sektor swasta, dan wakil-wakil pekerja.

Bengkel berkenaan memberi tumpuan kepada persediaan NBD dalam melaksanakan komitmen-komitmen di bawah Konvensyen Rangka Kerja Promosi bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 2006 (No. 187) yang baru yang telah diratifikasi.

Manakala bengkel kedua dihadiri oleh kumpulan yang tertentu seperti pakar-pakar OSH, pengurus keselamatan tempat kerja dan pegawai keselamatan industri.

Bengkel berkenaan membincangkan perkara berkaitan dengan sistem-sistem kelayakan OSH, pembentukan Jawatankuasa OSH dan penubuhan sistem pengurusan OSH dalam organisasi-organisasi.

Para peserta juga turut dibekalkan dengan alat dan kerangka untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan keselamatan serta pengetahuan lebih mendalam mengenai pematuhan undang-undang bagi struktur keselamatan di tempat kerja.

Kesimpulan daripada sesi perbincangan kumpulan serta dialog secara mendalam sesama peserta daripada sektor kerajaan, industri, dan badan bukan kerajaan, telah dapat meraih cadangan yang strategik dan praktikal yang bersesuaian dengan keperluan khusus NBD, dengan mengambil kira amalan-amalan terbaik dan piawaian-piawaian antarabangsa serta rangka kerja pengawasan ILO bagi pembangunan lanjut Program OSH NBD.

Sesi berkenaan juga secara keseluruhannya telah menawarkan panduan strategik yang jelas bagi pembangunan keutamaan dan program OSH negara.

Kerjasama antara SHENA dan ILO terus menyokong perjalanan NBD dalam menyelaraskan piawaian-piawaian global, yang

melambangkan komitmen negara ini untuk mewujudkan tempat-tempat kerja yang mampu dan selamat melalui pelbagai usaha bersama di antara pembuat dasar, pemimpin industri, dan pakar-pakar keselamatan.

Untuk maklumat lanjut mengenai rangka kerja peraturan kebangsaan berkaitan keselamatan, kesihatan, dan alam sekitar, layari laman sesawang SHENA di [www.shena.gov.bn](http://www.shena.gov.bn) dan ikuti di Instagram @shena.gov.bn.

## Ekspo Bina Brunei ketengahkan kemajuan pembinaan

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Infografik : Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan

**BERAKAS**, Selasa, 29 Oktober. – Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) di bawah Kementerian Pembangunan buat pertama kalinya akan mengadakan Ekspo Bina Brunei 2024 yang membawakan tema 'Build Brunei Better'.

Ekspo Bina Brunei 2024 ini akan diadakan selama empat hari iaitu bermula pada 30 Oktober 2024 sehingga 2 November 2024 bertempat di Dewan Munawwarah, Tingkat 7, Bangunan Setia Point, Berakas.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan hadir dan berkunjung ke ekspo berkenaan dan turut serta dalam pelbagai aktiviti yang disusun di sepanjang empat hari ekspo berkenaan diadakan. Pelbagai aktiviti dan rancangan telah disusun pada ekspo tersebut antaranya forum yang akan mengetengahkan pelbagai tajuk berhubung kait dengan pembinaan.

Antaranya, Klinik Kemajuan di mana akan memberikan pendedahan dan pengetahuan lebih dekat proses kemajuan atau perkhidmatan daripada agensi kawalan kemajuan yang terlibat.

Forum dan Siri Taklimat iaitu beberapa tajuk berkaitan dengan pembinaan akan diadakan di mana ia turut dibukakan kepada orang ramai. Seterusnya, ekspo tersebut juga akan mengadakan Anugerah Cemerlang Industri Pembinaan di mana ia diadakan bagi menghargai syarikat-syarikat kontraktor yang terpilih. Selain itu, juga diadakan aktiviti kuiz dan pertandingan di mana ia dibukakan dan disusun kepada semua peringkat umur untuk menyertainya.

Bagi syarikat-syarikat atau jabatan-jabatan kerajaan yang berkeinginan untuk menyertai ekspo tersebut, terutamanya yang ada membekalkan perkhidmatan dan perbekalan binaan yang berkoncepkon pembangunan mampan, berinovatif dan penggunaan teknologi, bolehlah berhubung terus menerusi talian +673 2380429 atau melalui e-mel di [BinaBrunei@mod.gov.bn](mailto:BinaBrunei@mod.gov.bn).

Justeru, orang ramai yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai ekspo tersebut, awda boleh melayari laman media sosial mereka di Instagram rasmi mereka di [@binabrunei](https://www.instagram.com/binabrunei).

**EKSPO BINA BRUNEI**  
30 OKT - 02 NOV 2024  
DEWAN MUNAWWARAH,  
SETIA POINT

**APA ADA?**

- KLINIK KEMAJUAN**  
Mengetahui lebih dekat proses kemajuan atau perkhidmatan daripada agensi kawalan kemajuan yang terlibat.
- ANUGERAH CEMERLANG INDUSTRI PEMBINAAN**  
Penghargaan kepada syarikat kontraktor yang terpilih.
- AKTIVITI KUIZ & PERTANDINGAN**  
Beberapa aktiviti telah disusun dibuka kepada semua peringkat umur.

# Bersuci Menggunakan Sabun Sertu

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**S**ERTU bermaksud menyucikan mana-mana bahagian badan atau tempat yang terkena najis *mughallazhah* dengan cara membasuh tempat yang terkena najis dengan air sebanyak tujuh kali dan salah satu daripadanya adalah air yang bercampur tanah.

Najis *mughallazhah* ialah najis yang bersumber daripada anjing dan babi termasuk keturunan salah satu daripada kedua-dua binatang tersebut dengan binatang lain.

Cara menyucikan bahagian atau tempat yang terkena najis *mughallazhah* adalah dengan menghilangkan zat najis terlebih dahulu, kemudian diikuti dengan sertu iaitu membasuh bahagian atau tempat yang terkena najis *mughallazhah* sebanyak tujuh kali basuhan dengan air *muthlaq* dan salah satu daripadanya hendaklah air yang bercampur tanah yang suci dengan kadar sekira-kira keruh air tersebut sehingga meliputi keseluruhan bahagian atau tempat berkenaan.

Dalam pada itu, bagi memenuhi keperluan bersuci agar lebih mudah dan cepat digunakan, pelbagai jenama produk sabun sertu dihasilkan dan dijual di pasaran. Produk-produk sabun sertu tersebut ada yang dalam bentuk sabun

buku dan ada yang dalam bentuk cecair. Antara bahan kandungan sabun sertu adalah seperti *treated clay, sodium palmitate, pogostemon cablin oil, vitamin E, calcium, marine sediment (seaweed)* dan sebagainya menurut jenama sabun sertu yang dihasilkan. Namun timbul persoalan, adakah sabun sertu tersebut memadai digunakan untuk bersuci sebagaimana yang dikehendaki syariah? Maka Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenainya.

Menurut 'syara', bahan yang digunakan untuk sertu ialah air dan tanah sahaja. Air yang digunakan untuk sertu hendaklah air yang suci lagi menyucikan atau air *muthlaq*. Adapun tanah yang digunakan untuk sertu pula adalah tanah asli sama ada tanah liat atau tanah lumpur sekalipun debu pasir dengan syarat hendaklah bersih daripada najis. Sertu tidak memadai dengan menggunakan tanah yang terkena najis seperti tanah yang bercampur dengan tahi burung atau air kencing anjing.

Sertu juga tidak memadai dengan menggunakan tanah yang *musta'mal* iaitu tanah yang telah digunakan untuk *tayammum* atau untuk menyucikan najis *mughallazhah*. Maka penggunaan tanah yang *musta'mal* untuk kali kedua adalah tidak sah menurut *qawl al-mu'tamad*. Selain itu, sertu juga tidak memadai dengan menggunakan tanah yang dibakar dan tanah yang dicampur dengan cecair lain seperti cuka yang mengubah sifat air yang bercampur tanah itu.

As-Sayyid Muhammad 'Abdullah

**"PRODUK sabun sertu tersebut, sungguhpun ia diperbuat daripada tanah akan tetapi jika ia bercampur dengan bahan-bahan lain yang mengubah sifat air yang bercampur tanah itu, maka ia tidak memadai digunakan untuk sertu."**

al-Jurdani *Rahimahullah* di dalam kitabnya *Fath al-'Allam* ada menjelaskan khusus bagi tanah yang digunakan untuk sertu bahawa tidak mengapa menggunakan tanah yang bercampur dengan sedikit benda asing yang suci kecuali benda asing yang suci itu banyak sehingga mengubah sifat air yang bercampur tanah itu.

Adapun menggunakan air yang sedia keruh kerana bercampur dengan tanah seperti air sungai yang keruh atau air mengalir yang keruh bercampur dengan tanah adalah memadai kerana ia sudah dikira sebagai air yang bercampur tanah. Imam ar-Ramli *Rahimahullah* di dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj* menyebut:

**Ertinya:** Dan menempati kedudukan tatrib (air bercampur dengan tanah), air yang keruh seperti air sungai Nil pada hari-hari airnya pasang dan seperti air mengalir yang bercampur dengan tanah.


Sertu dengan menggunakan selain tanah adalah tidak memadai. Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* di dalam kitabnya *al-Minhaj Syarh Shahih Muslim* ketika mensyarahkan hadits mengenai hukum jilatan:

**Ertinya:** Sabun, usynan (bahan pembersih daripada tumbuhan) dan apa jua yang seumpama kedua-duanya tidak dapat menempati kedudukan tanah (dalam sertu) menurut pendapat al-ashah. Dan tidak ada perbezaan (hukum) di antara adanya tanah dan ketiadaannya menurut pendapat al-ashah.

Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* di dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj* juga ada menyebut:

**Ertinya:** Maka tidak dapat menempati kedudukannya (tanah) oleh selainnya seumpama usynan (bahan pembersih daripada tumbuhan) atau sabun.

Oleh yang demikian, hukum menggunakan produk sabun sertu, sama ada sabun sertu itu memadai digunakan



untuk bersuci atau tidak adalah tertakluk kepada syarat tanah yang telah dijelaskan di atas. Produk sabun sertu tersebut, sungguhpun ia diperbuat daripada tanah akan tetapi jika ia bercampur dengan bahan-bahan lain yang mengubah sifat air yang bercampur tanah itu, maka ia tidak memadai digunakan untuk sertu. Sebagai contoh, air yang bercampur produk sabun sertu tersebut bukan menjadi air yang bercampur tanah semata-mata, bahkan menjadi air yang berbau disebabkan bahan campuran sabun atau berbau harumdisebabkan campuran bahan haruman.

Adapun sekiranya produk sabun sertu itu hanya diperbuat daripada tanah semata-mata yang tidak bercampur dengan benda lain atau bercampur dengan benda asing yang sedikit dan tidak mengubah sifat air bercampur tanah itu, maka ia memadai dan boleh digunakan untuk sertu.

Demikian penjelasan mengenai bersuci menggunakan sabun sertu.

منجو كريضاعن الله  
MENUJU KEREDAAN ALLAH  
كولان فوسة دعوه اسلاميه

**M**ASA merupakan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada makhluknya, yang mesti disyukuri dengan cara memanfaatkannya dengan sebaik-baiknya dan jangan sekali-kali mensia-siakannya sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqaan, ayat 62 yang mafhumnya :

"Dan Dialah yang menjadikan malam dan siang silih berganti bagi sesiapa yang mau mengambil pengajaran atau yang mau bersyukur (atas nikmat-nikmat-Nya)".

Masa mengandungi pelbagai pengajaran, keadaan malam dan siang silih berganti, suasana gelap dan cerah dan yang bertukar ganti peristiwa, keadaan dan kepentingan lain di dunia sentiasa berubah. Ini menunjukkan bahawa Allah memiliki kekuasaan yang tidak terbatas. Allah

## Kepentingan masa dalam kehidupan

bersumpah dengan masa, ini membuktikan kemuliaan dan kepentingan masa kepada manusia dan Allah menegaskan bahawa orang-orang yang menumpukan kerja-kerja dunia dan menyimpang daripada kebenaran dalam urusan perniagaan serta kehidupan, mereka berada dalam kerugian dan kebinasaan, Allah Subhanahu Wata'ala menegaskan dalam firman-Nya pada Surah Al-'Ashr, ayat 1-3 yang mafhumnya :

"Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, dan saling berpesan untuk mengikut yang haq serta saling berpesan untuk bersabar".

Manusia yang tidak memanfaatkan masa dengan sebaiknya adalah dianggap telah kehilangan sesuatu yang amat berharga dalam dirinya kerana masa itu sebenarnya merupakan modal kehidupan manusia yang

diperniagakan bagi mencari kebahagiaan di dunia dan akhirat. Setiap saat dari masa hendaklah kita gunakan sewajarnya, diisi selayaknya dan dimanfaatkan sebaiknya.

Masa yang telah berlalu perlu diambil iktibar dan pengajaran daripadanya. Agama Islam mengajarkan kepada manusia agar menjadikan masa silam sebagai guru dan pengalaman untuk menilai kembali kekuatan dan persediaan dalam menghadapi kehidupan sekarang dan pada masa-masa mendatang. Hendaklah kita pergunakan kesempatan yang ada sekarang untuk memperbaiki langkah kita yang telah lalu agar kita berjaya mencapai kebahagiaan dan mendapat kemenangan di dunia dan juga akhirat.

Kita perlu beringat bahawa setiap perbuatan yang kita lakukan di bumi ini akan dipertanggungjawabkan di akhirat nanti. Sebagaimana Imam At-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Abu

Barzah Al-Aslami dia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Tidak akan bergerak dua kaki seorang hamba pada Hari Kiamat di sisi Tuhannya sehingga dia ditanya tentang empat perkara; tentang umurnya ke mana dihabiskannya, tentang ilmunya bagaimana dia mengamalkannya, tentang hartanya dari mana diperolehnya dan ke mana dibelanjakannya, dan tentang tubuhnya untuk apa digunakannya".

Oleh yang demikian sifat suka menangguh-nangguhkan sesuatu pekerjaan ataupun melakukan sebahagian dulu daripadanya dengan alasan malas atau lemah hendaklah kita hindari dan hapuskan dari dalam diri kita sendiri. Ingatlah bahawa Allah Subhanahu Wata'ala amat suka mereka yang menyegerakan untuk melakukan sesuatu amalan dan mereka ini akan mendapat ganjaran yang sangat besar di sisi-Nya.

سوره هنجای فر خدمت عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## PENTING

### IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.


Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja  
SISTEM  
TIKAM DIPERAKURAKAN

### SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

- ⚠ Diantara sebab-sebab profil PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR
  - ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
  - ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
  - ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
  - ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak mpenati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



BARU

# BANTUAN KEMANUSIAAN NBD TIBA DI REPUBLIK FILIPINA



Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

**MANILA**, Isnin, 28 Oktober. - Pasukan Bantuan Kemanusiaan dan Bencana Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi Operasi BADAU TADUH telah selamat tiba di Pangkalan Udara Col Jesus Villamor, Manila pada Ahad, 27 Oktober jam 5.09 petang waktu tempatan.

Ketibaan pasukan tersebut dialu-alukan oleh Duta Besar

Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Megawati binti Dato Paduka Haji Manan dan Commanding General Tentera Udara Filipina, Leftenan Jeneral Stephen P Parreño TUF.

Turut hadir adalah Atase Pertahanan NBD ke Republik Filipina, Leftenan Kolonel Suzana



PASUKAN Bantuan Kemanusiaan dan Bencana Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi Operasi BADAU TADUH selamat tiba di Pangkalan Udara Col Jesus Villamor, Manila pada Ahad, 27 Oktober (kiri dan atas).

binti Haji Antin.

Pada hari ini, Pesawat Angkut C295MW TUDB telah melaksanakan Bantuan Logistik Udara melalui satu siri penerbangan kargo dengan membawa bekalan dan bantuan kritikal dari Pangkalan Udara Col Jesus Villamor, Manila ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bicol, Republik Filipina kelmarin.

Di samping itu, dua buah helikopter Blackhawk S70i TUDB

yang pada awalnya dijadualkan akan berlepas ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bicol pada hari ini, terpaksa ditunda disebabkan oleh Ribut Tropika Leon.

Multinational Coordinating Centre (MNCC) Angkatan Tentera Filipina telah mengeluarkan amaran kaji cuaca dan semua jenis penerbangan terpaksa dibatalkan.

Pesawat helikopter tersebut akan memainkan peranan

penting dalam memperluaskan penghantaran bantuan ke kawasan terpencil yang sukar diakses.

Usaha ini melambangkan jalinan yang erat dan komitmen bersama atas kerjasama dan sokongan serantau, di samping itu, ia juga menekankan komitmen Kementerian Pertahanan untuk memberi bantuan kepada penduduk setempat yang terjejas akibat bencana alam.

## Tingkatkan kesedaran memahami makna Al-Quran



SUASANA Seminar Al-Quran yang diadakan di Progresif HQ, Banquet Hall, Gadong (kiri dan kanan).



Siaran Akbar dan Foto : Al-Huffaz Management

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 28 Oktober. - Seminar Al-Quran yang bertujuan untuk memupuk pemahaman Al-Quran dan membina komuniti Quran di Brunei telah diadakan semalam di Progresif HQ, Banquet Hall, Gadong.

Acara ini menarik lebih daripada 30 peserta yang berminat untuk memperdalam hubungan mereka dengan Al-Quran dan meningkatkan ilmu mengenai ajarannya.

Dianjurkan oleh Al-Huffaz Management dengan sokongan ASEAN Foundation, SAP dan TikTok, seminar tersebut menampilkan penceramah terkemuka, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit

dan Hanisah Othman.

Pengiran Dr. Haji Amiruddin menyampaikan ceramah berjudul 'Hafazan Al-Quran : Satu Pengalaman di Negara Brunei Darussalam', di mana beliau berkongsi pandangan mengenai hafazan Al-Quran dan pengalaman unik di Brunei.

Hanisah Othman pula menginspirasi hadirin dengan topik beliau 'Indahnya Hidup Bersama Al-Quran', yang menekankan keindahan hidup berpaduan ajaran Al-Quran.

Acara ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya memahami makna Al-Quran dan memupuk komuniti pembelajar Al-Quran yang semakin berkembang.

Terbuka kepada orang awam, seminar tersebut merangkumi sesi soal jawab interaktif, yang memberi peluang kepada peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan penceramah dan mendalami topik yang dibincangkan.

Sebagai penutup acara, cabutan bertuah diadakan dengan beberapa peserta membawa pulang hadiah menarik, menambah elemen keseronokan dalam pertemuan ilmiah itu.

Seminar berkenaan turut disokong oleh lebih lima syarikat tempatan yang menaja sajian dan sumbangan lain bagi membantu menjayakan acara tersebut.

Bercakap bagi pihak Al-Huffaz Management, CEO, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan menyampaikan

## 10 agensi pelancongan dibenarkan kendali Pakej Haji, Umrah

Siaran Akbar : Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 28 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji memaklumkan bahawa 10 buah agensi pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah (menggunakan Visa Umrah) bagi tempoh tiga tahun, iaitu bermula dari Tahun 1446 Hijrah hingga 1448 Hijrah.

Agenzia-agensi pelancongan tersebut ialah Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sendirian Berhad; Syarikat As-Safa Travel & Tours Sendirian Berhad; Syarikat At-Taqwah Travel Tours Sendirian Berhad; Syarikat Balurih Travel Sendirian Berhad; Syarikat Continental Yachting Sendirian Berhad; Syarikat Dar El Ehsan Travel Sendirian Berhad; Syarikat Darussalam Services Sendirian Berhad; Syarikat Raudah Al-Amin Sendirian Berhad; Syarikat Straits Central Agencies (B) Sendirian Berhad; dan Syarikat Titian Travel & Tours Sendirian Berhad.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat haji dan umrah (menggunakan Visa Umrah) adalah dikehendaki untuk mengikuti dan menghubungi agensi-agensi pelancongan yang dibenarkan tersebut.

penghargaan beliau kepada semua yang telah menyertai dan menyokong seminar berkenaan.

"Kami amat terharu dengan kehadiran dan semangat para peserta. Matlamat kami adalah untuk membina komuniti Quran yang kuat di Brunei, dan seminar ini merupakan langkah seterusnya dalam perjalanan tersebut. Kami berharap untuk menganjurkan

lebih banyak acara yang akan membantu mencapai misi ini," ujarnya.

Al-Huffaz Management terus memainkan peranan penting dalam mempromosikan pendidikan Al-Quran di Brunei, dengan lebih banyak inisiatif yang dirancang dalam beberapa bulan akan datang untuk mempererat hubungan komuniti dengan Al-Quran.

# دعا ممohen كقد الله سقايي قرسلامة درقد بلاء دان سکل جنیس چاکیت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝ .

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنْنَا وَبِاللَّهِ  
أَحْتَثْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَيْرَوَتِ.  
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَبَبِي  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا مُحَمَّدٌ  
سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا  
فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَلِكَ يَشْفَعُ عَنَّاهُ  
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ  
وَسَعْ كُرْسِيهِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ  
حَفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٦٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاتَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ  
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَخُسْنُ الْحَوَائِجُ، وَيُسْتَسْقَى  
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ  
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdikan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،  
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِدَنِي،  
فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ وَلَا يَغْفِرُ الْذُنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanat yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذَكْر بِچاءِنْ يَعْ مِبَاوا كِبَراً وَنَتوْعَنْ سَاعَتْ بَسْر كَفْد قَعْمَلَنْ ( تَولُقْ بَلَاءَ )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَسِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



JABATAN RADIO  
TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**

RTB / K / 127 / 24 - 25  
– Supply, Delivery And Installation of Subtitle Preparation Workstation

**Yuran Sebut Harga:**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**  
BN5.00  
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)  
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
6 November 2024.  
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN HAL EHWAH LUAR NEGERI

Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

**Jawatan Kosong**  
Di Sekretariat Komanwel, London, United Kingdom

**Jawatan :**  
Monitoring, Evaluation and Learning Officer

**Kekosongan :**  
1

**Tarikh Tutup :**  
4 November 2024  
Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut termasuk permohonan boleh didapati melalui laman sesawang : <http://thecommonwealth.org/jobs>



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**MOE / LTK / 84 / 2024 / 2025 (JPK-OKT-2024)**

Tawaran Terbuka  
Menaiktaraf Dewan Utama, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Aras Bahaw Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan.

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**  
BND10.00  
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup dan Waktu :**  
12 November 2024  
– Selasa.

[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2024 / POC / TA / 05

Kerja Membaih Pulih Kelengkapan Gim Dewan Gerak Badan ABDB

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah dua minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Khamis, 21 November 2024.

**Site Visit:**  
18 November 2024  
sehingga  
21 November 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
3 Disember 2024.  
2.00 Petang.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**MOE / LTK / 83 / 2024 / 2025 (JPK-OKT-2024)**

Tawaran Terbuka  
Bagi Membekal dan Menghantar Alat Bantu Mengajar Bagi Projek Rintis Pengajaran Kurikulum Berintegrasi Tahun 1 Untuk Digunakan Pada Tahun 2025.

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**  
BND30.00  
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup Dan Waktu :**  
12 November 2024  
– Selasa.

[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**  
V & VI sahaja

**Kategori :**  
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :**  
23 Oktober 2024.



**Bilangan Tawaran:**  
KK / 238 / 2024 / SSBH (TC)

**Keterangan:**  
Three (3) Years Term Contract For Maintenance And Repair Electrical Services Under Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

**Kelayakan Pembekal / Pemborong:**  
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan  
Kelas: II dan III  
Kategori: E01 & E02

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 239 / 2024 / ESTETMOH (TC)

**Keterangan:**  
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance And Repair Of Generator Set In Clinical Molecular Diagnostics Laboratory For Infectious Diseases (CMDLID) Ministry Of Health

**Kelayakan Pembekal / Pemborong:**  
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan  
Kelas: II Ke atas  
Kategori: M03 & E01

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Tarikh Tutup:**  
12 November 2024,  
Tidak Lewat  
Jam 2.00 Petang.



**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
5 November 2024,  
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
12 November 2024,  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRM 22 / 2024

**Nama Projek:**  
Membaih dan Menurap Semula Aspal Jalan Raya Di Lebuhraya Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRM 23 / 2024

**Nama Projek:**  
Membaih dan Menurap Semula Aspal Jalan Raya Di Lebuhraya Tungku

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRM 24 / 2024

**Nama Projek:**  
Membaih dan Menurap Semula Aspal Jalan Raya Di Lebuhraya Tungku-Jerudong

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRM 25 / 2024

**Nama Projek:**  
Membaih dan Menurap Semula Aspal Jalan Raya Di Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRM 26 / 2024

**Nama Projek:**  
Membaih dan Menurap Semula Jalan Utama – Jalan Utama Berakas.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRM 27 / 2024

**Nama Projek:**  
Membaih dan Menurap Semula Jalan Utama – Jalan Gadong

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRM 29 / 2024

**Nama Projek:**  
Membaih dan Menurap Semula Jalan Utama – Jalan Utama Mentiri

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:  
KHEU / JPI / JKS / 11 / 2024-2025

**Keterangan:**  
Membekal, Menghantar Bahan-Bahan Kimia bagi Makmal Sains Biology dan Chemistry, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1446H-1447H / 2024M-2025M

**Bayaran Yuran Tawaran:**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
4 Jamadilawal 1446H /  
6 November 2024M,  
tidak lewat  
jam 2.00  
Petang.



**Tajuk Tawaran.**  
To Supply And Repair Of Components At Sweeper Truck BG 4903, Department Of Civil Aviation AME / 2024 – 2025 / SH-60

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**  
16 Oktober 2024, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**  
12 November 2024,  
Selasa,  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
13 November 2024,  
Rabu.



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Dibuka Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**  
V & VI sahaja

**Kategori :**  
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :**  
23 Oktober 2024.

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Tidak lewat Selasa,  
5 November 2024,  
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
12 November 2024.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / BBA 03 / 2024

**Nama Projek:**  
Melapis Semula Jalan Aspal Di Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien (SHOAS)

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)



**Tajuk Tawaran.**  
To Supply And Repair Of Components At Sweeper Truck BG 4903, Department Of Civil Aviation AME / 2024 – 2025 / SH-60

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**  
16 Oktober 2024, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**  
12 November 2024,  
Selasa,  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
13 November 2024,  
Rabu.



JABATAN MUZEUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**  
32 / JMM / S / 12 / 91  
(2024 / 2025)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Sebut Harga Bagi Projek 'Disposal Of Chemical Waste Including Collection And Transportation Services At Bangunan Pemeliharaan dan Pembakaian, Jabatan Muzium-Muzium'

**Tarikh Tutup :**  
Khamis,  
28 November 2024.  
Jam 2.00 Petang.



**Tajuk Tawaran (3):**  
To Servicing Work For Fire Trucks BG 7887 (F4), Department Of Civil Aviation AME / 2024 – 2025 / SH-70

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran:**  
30 Oktober 2024,  
(Rabu)

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**  
26 November 2024,  
(Selasa)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
27 November 2024,  
Rabu,  
Tidak lewat  
jam 2.00  
Petang.

**Kepada:**  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga d/a Aras Bawah, Seksyen Kewangan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



**Tajuk Tawaran (1):**  
To Supply And Install, Repair Of Transmission Components Fire Truck BG 6369 (F.7), Department Of Civil Aviation AME / 2024 – 2025 / SH-67

**Tajuk Tawaran (2):**  
To Supply And Delivery One (1) Unit Of Self-Propelled Scissor LTFT AME / 2024 – 2025 / SH-68

**Tajuk Tawaran (3):**  
To Supply, Install And Delivery New Tires For Fire Fighting Vehicles BG2118(RT) and BG 7927(RIV2) AME / 2024 – 2025 / SH-69



JABATAN RADIO  
TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**  
RTB / K / 125 / 24 - 25

– Term Contract Of Twenty-Four (24) Months Period For Maintenance Of RTB Vehicles

– Mitsubishi Pajero (V32, 34, 76 &

96) & Lancer Wagon (CB4)

**Yuran Sebut Harga:**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**  
BN5.00  
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)  
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu, 6 November 2024.  
Jam 2.00 Petang.



JABATAN MUZEUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**  
33 / JMM / S / 12 / 91  
(2024 / 2025)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Sebut Harga Bagi Projek 'Painting Works To External Areas At Bangunan Flat Blok 21, Anggerek Desa, Brunei Muara'

**Tarikh Tutup :**  
Khamis,  
28 November 2024.  
Jam 2.00  
Petang.



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)



DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

# جوالن سالینان کمپر ۲ دیگنیتل

## JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



### HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.  
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan  
satu keping cd adalah BND21.  
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

### TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima  
pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

### JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam  
[laman galeri Infofoto \(www.infofoto.gov.bn\)](http://www.infofoto.gov.bn)  
dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil  
oleh warga Jabatan Penerangan.

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400  
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

### WAKTU PERNIAGAAN


Isnin - Khamis  
8.00 Pagi – 12.00 T/hari  
2.00 Ptg – 3.00 Ptg  
Sabtu  
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn

# PROGRAM BANGKIT DAN BERI : SEMAI RASA TANGGUNGJAWAB SOSIAL DALAM KOMUNITI



SYARIKAT Pengurusan Kifayah Ar-Razzaq dan Mashhor Group of Companies semasa mengadakan Program Bangkit dan Beri yang berlangsung pada 25 Oktober lalu (atas dan atas kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Ar-Razzaq Funeral Management

**KAMPUNG MANGGIS / MADANG**, Selasa, 29 Oktober. - Syarikat Pengurusan Kifayah Ar-Razzaq dan Mashhor Group of Companies selaku penaja utama mengadakan projek kebajikan menerusi Program Bangkit dan

Beri yang berlangsung pada 25 Oktober lalu di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Objektif utama program berkenaan diadakan adalah



merujuk kepada keutamaan Solat Subuh Berjemaah dan amalan berzikir selepasnya, yang selaras dengan hadis Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam tentang ganjaran Solat Subuh Berjemaah dan memudahkan individu, organisasi, dan syarikat untuk bersedekah dengan menyediakan bekalan asasi dan set kelengkapan jenazah kepada golongan yang

memerlukan.

Program dimulakan dengan Solat Subuh Berjemaah dan diteruskan dengan Tazkirah Subuh, disusuli dengan bacaan Surah Al-Kahfi secara berjemaah.

Acara kemuncaknya ialah pengagihan 'Pakaian Di Alam Barzakh', satu sumbangan amal berupa set kelengkapan jenazah kepada beberapa masjid yang terpilih dan diakhiri dengan

Solat Dhuha Berjemaah.

Inisiatif berkenaan adalah sebahagian daripada misi syarikat dalam mempermudahkan urusan pengurusan jenazah, serta menyemai rasa tanggungjawab sosial dalam kalangan komuniti.

Untuk maklumat lanjut mengenai Projek Bangkit dan Beri, layari [www.arrazaqbn.com](http://www.arrazaqbn.com) atau hubungi talian +673 8714253.

## MINDA PEMBACA

### Menjaga keamanan serantau

**K**EAMANAN serantau merupakan asas kepada kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan setiap kawasan atau negara. Dalam dunia yang semakin global, kerjasama antara negara-negara di rantau yang sama amat penting bagi memastikan keharmonian dan kestabilan terjaga. Negara-negara ini perlu bertanggungjawab bersama dalam menjaga keamanan, agar pembangunan ekonomi dan sosial dapat berlangsung dengan lancar dan tanpa gangguan.

Salah satu langkah utama untuk menjaga keamanan serantau ialah dengan memperkuuh kerjasama diplomatik. Melalui hubungan diplomatik yang kuat, negara-negara

dapat menyelesaikan sebarang konflik atau isu melalui rundingan dan dialog. Sebagai contoh, ASEAN adalah platform penting bagi negara-negara di Asia Tenggara untuk bekerjasama dalam menghadapi cabaran keselamatan seperti ancaman keganasan, pemerdagangan manusia, dan krisis pelarian. Dengan adanya dialog terbuka, negara-negara serantau dapat mencapai kesefahaman yang lebih baik dan menyelesaikan isu bersama. Aspek ketenteraan juga penting untuk memastikan keamanan serantau. Negara-negara perlu memperkuuh keupayaan pertahanan dan bekerjasama dalam aspek keselamatan. Latihan ketenteraan bersama, pertukaran maklumat

perisikan dan operasi bersama dalam menangani ancaman seperti lanun atau jenayah rentas sempadan dapat meningkatkan keselamatan rantau ini. Kerjasama ini menunjukkan kesatuan dan kekuatan rantau dalam mempertahankan kedaulatan dan keselamatan daripada ancaman luar.

Selain itu, ekonomi juga berperanan besar dalam mengekalkan keamanan. Negara-negara dengan hubungan perdagangan yang baik cenderung untuk menjaga keharmonian demi kepentingan ekonomi bersama. Perdagangan bebas dan pembangunan ekonomi yang seimbang antara negara-negara serantau boleh mengurangkan ketegangan dan memperkuuh kerjasama. Kestabilan politik dan

keamanan akan memastikan aliran perdagangan yang lancar, yang bermanfaat kepada semua pihak. Keamanan serantau memerlukan kerjasama rakyat. Kesedaran masyarakat tentang pentingnya keharmonian antara etnik, agama dan budaya perlu dipupuk. Dengan mengamalkan nilai toleransi, menghormati hak asasi manusia, dan memperjuangkan keadilan sosial, masyarakat dapat menjadi benteng kepada kestabilan serantau.

Secara keseluruhannya, menjaga keamanan serantau memerlukan usaha bersama antara negara, rakyat, dan pelbagai pihak lain. Keamanan yang dipelihara akan memastikan kestabilan, kemajuan, dan kesejahteraan seluruh rantau.

Nama : Ahmad Izzuddin bin Azis  
No. K/P : 01-099XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Guru Berkualiti, Negara Maju'. Tarikh Tutup : 30 Oktober 2024
- 'Mensyukuri Nikmat Kesihatan'. Tarikh Tutup : 6 November 2024
- 'Jadikan Kerja Sebagai Ibadah'. Tarikh Tutup : 13 November 2024

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam  
atau melalui  
E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

**PROGRAM KHIDMAT AKADEMIK  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**PANDUAN  
AMALAN GAYA HIDUP  
HALALAN THAYYIBAN**

**LIVE**

**HARI SABTU**  
**02 NOVEMBER 2024M**  
**29 RABIULAKHIR 1446H**

**9:30 PAGI -11:00 PAGI**

**ZOOM**  
**MEETING ID**  
**876 4332 8179**

**PASSWORD: UNISSA**

Untuk Maklumat Lanjut: Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, BE1310 Negara Brunei Darussalam

c4l@unissa.edu.bn +673 825 4374 Centre for Leadership and Lifelong Learning c4lunissa.official

**NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL  
BRUNEI DARUSSALAM**

**Jangan Memandu ketika mengantuk**

**Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA**

[www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)

**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JIMATAN HAL CIWAIK PENGUNA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN**

**Fikir sebelum beli**

"buleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

**Jadi pengguna yang bertanggungjawab**

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

## NASIONAL

# PANDUAN AMALAN GAYA HIDUP HALALAN THAYYIBAN

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 29 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat akan mengadakan Program Khidmat Akademik secara percuma kepada orang ramai. Program Khidmat Akademik tersebut akan membawakan tajuk 'Panduan Amalan Gaya Hidup Halalan Thayyiban' dan program ini akan diadakan secara dalam talian.

Program Khidmat Akademik akan diadakan pada Sabtu, 2 November 2024 bermula pada pukul 9.30 pagi sehingga 11.00 pagi iaitu selama 1 jam 30 minit

melalui platform Zoom secara dalam talian di mana Meeting ID adalah 876 4332 8179 manakala kata kunci pula ialah UNISSA.

Program Khidmat Akademik ini akan disampaikan oleh Ketua Program Siswazah, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, UNISSA, Profesor Dr. Hamzah bin Mohd. Salleh.

Adapun program ini diadakan memberi peluang kepada masyarakat awam memperoleh ilmu pengetahuan terhadap bidang ilmu yang disampaikan. Selain itu, tenaga akademik UNISSA juga dapat menjalankan tanggungjawab sosial di samping beroleh

pengalaman menerusi khidmat akademik yang disampaikan.

Justeru, program ini diharap dapat menjadikan UNISSA dikenali sebagai sebuah universiti Islam yang menawarkan pelbagai program yang boleh disertai oleh masyarakat awam.

Pihak UNISSA sukacita mengalu-alukan penyertaan pegawai - pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan, serta orang ramai untuk mengikuti program ini.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai program ini, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian WhatsApp ke nombor +673 8254374 atau e-mel C4L@unissa.edu.bn.

**Selera KAMPUNG Kitani**

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

## Penyaram STKRJ Kampung Rimba

**BAHAN-BAHANNYA :**

- 500 gram gulanau
- 3 cawan tepung beras
- 3 cawan tepung biasa
- 3 cawan air
- 1 cawan gula

**CARA MEMASAK :**

- Sediakan mangkuk blender (pemutar kek). Masukkan gula, gulanau, tepung beras, tepung biasa dan air. Putar bahan dengan kelajuan yang perlahan sehingga semua sebatи. Tapis adunan dan perap selama satu hari. Kaut sesudu lalu cucur menggunakan kuali kecil. Goreng hingga masak.

# DIDENDA KERANA MILIKI BARANG TEGAHAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 29 Oktober. - Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND13,760 atau 14 bulan pemerlukan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap seorang lelaki warga tempatan, hari ini.

Majistret, Muhd. Muzakkir bin Awang Haji Zakaria memutuskan hukuman tersebut selepas Haji

Zaidi bin Haji Ja'afar, berumur 50 tahun mengaku bersalah atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Mengikut pertuduhan, defendan didakwa atas kesalahan memiliki lapan karton, 12 paket rokok pelbagai jenis, 10 tin dan enam botol minuman keras pelbagai jenis tanpa permit dan kebenaran yang

sah. Kesemua barang yang terlibat, iaitu rokok dan minuman keras dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

Pegawai Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah menjalankan tangkapan terhadap defendan pada 22 Februari 2024 pukul 9.37 malam di bahagian masuk, Pos Kawalan Kuala Lurah.

## Padah miliki barang tegahan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 29 Oktober. - Akibat miliki barang tegahan, seorang lelaki penduduk tetap dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND153,800 atau 23 bulan pemerlukan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Hukuman diputuskan oleh

Majistret, Muhd. Muzakkir bin Awang Haji Zakaria, di Mahkamah Majistret, di sini.

Tertuduh, Mohammad Aiman Putera bin Abdullah Laju @Kermandey, mengaku bersalah dan didakwa memiliki 209 karton rokok pelbagai jenis tanpa permit dan kebenaran yang sah.

Tertuduh berumur 36 tahun

ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Cawangan Bandar Seri Begawan di Pos Kawalan Kuala Lurah pada 26 Mac 2023 pukul 6.40 pagi. Semua barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.



## Akibat salah guna kuasa

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 28 Oktober. - Bekas Ketua Pegawai Kanan Imigresen, Awang Seruji bin Haji Setia (defendant) dijatuhkan hukuman tiga tahun penjara atas lima pertuduhan di bawah bab 165 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 yang telah disabitkan bersalah pada 12 Oktober 2024.

Defendant dijatuhkan hukuman penjara 18 bulan bagi pertuduhan satu hingga lima di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Mahkamah memerintahkan supaya hukuman bagi pertuduhan satu hingga empat berjalan secara serentak, dan secara berturut-turut bagi pertuduhan kelima, dengan ini menjadikan keseluruhan hukuman penjara tiga tahun.

Hukuman diperintahkan bermula pada hari dia direman berikutnya pada 12 Oktober 2024.

Semasa menjatuhkan hukuman, Majistret Kanan Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman menekankan bahawa penjawat awam adalah asas kepada pentadbiran kerajaan yang kukuh, akan tetapi, rasuah telah merosakkannya, melemahkan integriti institusi kerajaan di Negara Brunei Darussalam.

Majistret juga menjelaskan defendant dalam tugasnya sebagai Ketua Pegawai Kanan Imigresen pada waktu berkenaan, dianggap oleh mahkamah sebagai faktor yang menjadikannya lebih berat, disebabkan jawatan sedemikian adalah dijangka untuk mengekalkan standard integriti yang tinggi dan menjadi role model.

Mahkamah juga mengambil maklum bahawa penyalahgunaan kuasanya sebagai Ketua Bahagian Pas Kerja dengan memberikan layanan istimewa kepada pemilik perniagaan dan agensi pekerjaan tertentu telah menyebabkan kurangnya keyakinan awam dan menunjukkan contoh yang tidak baik kepada orang bawannya.

Pembuktian yang diperoleh semasa siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) mendapati defendant telah mendapatkan untuk dirinya barang-barang bernilai, iaitu karpet, sarung sofa, sarung kerusi kereta daripada Pengurus Urusan Daiecharm Deco Sdn. Bhd. dan wang tunai BND100 daripada Pengurus B.T. Employment Agency dalam lima kejadian yang berlainan.

Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 memperuntukkan bahawa adalah menjadi suatu kesalahan bagi penjawat awam untuk mendapat atau menerima apa-apa pemberian tanpa apa-apa balasan atau alasan yang tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang dia mempunyai apa-apa urusan berhubung dengan tugas rasminya. Kesalahan berkenaan boleh dikenakan hukuman denda dan penjara hingga tujuh tahun.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Rozaimah binti Haji Abd. Rahman, Awang Ahmad Firdaus bin Mohammad dan Awang Radin Abdul Malik Wafri bin Radin Mas Mohamad Sufri.

Manakala defendant diwakili oleh Peguam Bela, Ahmad Basuni bin Haji Abas dari Abraham, Davidson & Co.

## Ceroboh, curi : Lelaki tempatan dipenjara 5 tahun, 2 sebatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 29 Oktober. - Mahkamah Perantaraan hari ini telah menjatuhkan hukuman penjara lima tahun dan dua kali sebatan ke atas seorang lelaki tempatan kerana menceroboh bagi tujuan mencuri.

Yang Arif Hakim Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni menjatuhkan hukuman terabit, selepas Mohammad Hazuandy bin Untong (defendant), berumur 37 tahun mengaku bersalah sejurus pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya.

Kejadian berlaku kira-kira pukul 1.00 pagi pada 28 Mei 2024, di mana defendant pada ketika itu sedang berjalan kaki dari rumah pekerja di

Kampung Manggis menuju ke kawasan Sungai Akar lalu ternampak tingkap dapur di sebuah rumah tidak berkunci dan kemudian berniat untuk mencuri.

Defendant lalu memasuki rumah tersebut melalui tingkap dan mengambil kunci kenderaan jenama Hyundai H1 berwarna coklat di atas meja ruang tamu dan keluar dari rumah tersebut.

Kemudian defendant meninggalkan rumah tersebut dan menggunakan kereta Hyundai H1 serta memandu ke Pusat Membeli-belah Times Square di Berakas, lalu meletakkan kereta tersebut di tepi jalan di sekitar pusat membeli-belah berkenaan.

Defendant meninggalkan kereta tersebut di situ dan pulang ke rumah pekerja dengan membawa kunci tersebut bersamanya. Defendant telah menjual bahagian atas kereta tersebut dengan harga BND500 kepada pembeli dan menggunakan wang itu untuk membeli dada.

Pada 23 September 2024, kira-kira pukul 6.30 pagi, pengadu membuat laporan polis hingga membawa kepada penahanan defendant. Dalam rekod, defendant mempunyai sabitan jenayah sebelum ini berhubung dengan kesalahan terhadap harta. Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Emily Goh.

سورو هنجاي قر خدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

1

|                     |   |   |   |
|---------------------|---|---|---|
| ikan jawatan kosong | Kalendar saya                                   | kedudukan permohonan                            | aduan saya                                      |
| IMAMTINGKAT IV      | IMAMTINGKAT IV                                  | IMAMTINGKAT IV                                  | (PERAKUAN) PENILAIAN TIDAK DIPERAKUAN           |
| PEGAWAI SAINTIFIK   | PEGAWAI PERKEMBANGAN UGAMA                      | PEGAWAI PERKEMBANGAN UGAMA                      | (PSC) INSTITUSI / SEKOLAH TIDAK TERSENARAI      |
| PEMBANTU PELIKIS    | PENOLONG PESURUJAYA BURUJ                       | PENOLONG PESURUJAYA BURUJ                       | PENYELIDIK DAN PENTERjemah KHUSUS (BAHASA ARAB) |
| RANGER              | PENYELIDIK DAN PENTERjemah KHUSUS (BAHASA ARAB) | PENYELIDIK DAN PENTERjemah KHUSUS (BAHASA ARAB) |   |
| Lihat Iklan         | Lihat Kalendar Saya                             | Status Permohonan                               | Lihat Aduan Saya                                |


WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

## Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

2

Status Permohonan Kerja

| Bahagian | Status                    | Lihat Penuh |
|----------|---------------------------|-------------|
| V        | DIJADUALKAN UNTUK UJIAN   | »           |
| X        | PROSES PERAKUAN           | »           |
| IV       | DIAJADUALKAN UNTUK UJIAN  | »           |
| V        | TIDAK HADIR               | »           |
| VI       | DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA | »           |
| VII      | PEMOHON DITERIMA          | »           |





## Hentikan body shaming

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

**A**PA itu *body shaming*? *Body shaming* adalah tindakan yang membuat seseorang menjadi sasaran kritik atau ejekan kerana ketidaksempurnaan bentuk tubuh yang seseorang miliki. *Body shaming* sering terjadi baik disengaja atau tidak; baik di dunia nyata maupun di dunia maya.

Jelasnya *body shaming* adalah tindakan mempermalukan seseorang berdasarkan penampilan fizikal. Sikap seperti mengatakan tubuh seseorang itu gemuk, kurus, pendek, atau tinggi. Sikap seperti ini sama seperti ketika seseorang melakukan buli secara lisan dengan melontarkan kata-kata yang boleh menghinai, menyinggung perasaan atau mengejek.

Bagi beberapa orang, memperkatakan tentang soal penampilan fizikal adalah sesuatu yang sensitif. Hal ini disebabkan oleh fakta bahawa cara kita menampilkan diri berkaitan secara langsung dengan siapa diri kita. Penampilan fizikal mengarah pada berat badan, bentuk tubuh, ukuran tubuh serta gaya. Selain itu, penampilan fizikal, pilihan pakaian, gaya rambut serta cara bersolek (*makeup* terlalu banyak atau terlalu sedikit) juga tidak terkecuali daripada dijadikan bahan untuk *body shaming*.

### Kesan *body shaming* terhadap kesihatan mental

Meskipun *body shaming* tertumpu pada penampilan fizikal seseorang, hal itu juga dapat memberi kesan negatif pada keadaan mental. Keadaan ini mungkin memaksa seseorang untuk mempertimbangkan kembali siapa mereka dan bagaimana menampilkan dirinya. Sehingga hal ini dapat mempengaruhi kesejahteraan mental, kesihatan sosial, dan kehidupan sehari-hari.

Ejekan atau hinaan seperti 'gajah berjalan' atau 'seguni beras habis dimakannya' atau 'badannya macam tulang berjalan' atau 'jaga-jaga tiang elektrik berjalan' merupakan antara *body shaming* meskipun kata-kata tersebut dilontarkan semata-mata untuk berhibur atau sekadar berjenaka. Tidak semua orang dapat menerima perkataan tersebut sebagai sesuatu yang baik. Terlebih lagi jika ucapan berbentuk hinaan *body shaming* diucapkan di hadapan orang ramai atau dengan nada mengejek, hal ini dapat

mempengaruhi kesihatan mental orang yang dihinai.

Beberapa masalah mental yang boleh terjadi apabila seseorang mengalami kesan daripada *body shaming*, terutama yang berkaitan dengan penampilan fizikal, antara lain :

- *Social anxiety*. Ketika awda diejek di depan orang ramai, respons semula jadinya adalah menghindari daripada menempatkan diri dalam situasi tersebut. Hal ini biasanya berakhir dengan tindakan mengasingkan diri dan mengelakkan interaksi sosial.

- *Kemurungan (depression)*. Peningkatan perasaan rendah diri boleh menyebabkan kemurungan. Selain itu, perasaan kesunyian dan mengasihani diri sendiri juga dapat berkembang menjadi kemurungan.

- *Gangguan pemakanan*. Timbulnya kebiasaan makan yang tidak sihat kerana perasaan kehilangan kawalan dan harga diri yang rendah. Selain itu, keadaan ini dapat menyebabkan anoreksia atau bulimia. Seseorang yang memiliki gangguan ini mungkin percaya bahawa mengawal pengambilan makanan akan mengubah penampilan dan dapat menghentikan *body shaming*.

### Body shaming pada generasi muda, golongan warga emas

Kehadiran media sosial yang kuat dalam kehidupan sehari-hari membuat awda akan dibanjiri dengan gambaran kesempurnaan dalam hal penampilan. Selanjutnya, keperibadian akan dibentuk melalui komen dan tanda *like*, baik negatif maupun positif dalam forum terbuka. Trend selebriti dalam melakukan diet, berolahraga dan berpakaian cenderung membuka jalan bagaimana seseorang perlu berpenampilan berdasarkan apa yang dianggap 'hebat' dan popular menurut permintaan. Jika seseorang tidak mengikuti trend ini, ia akan dipandang berbeza dan dipermalukan kerana tidak mengikuti fesyen terkini dan akhirnya akan menjadi mangsa buli.

Walaupun *body shaming* adalah perilaku yang sering mempengaruhi generasi muda kerana akses media sosial yang lebih meluas, sebenarnya tindakan ini tidak membezakan usia. Pembulian boleh dialami

oleh orang ramai daripada pelbagai peringkat umur termasuk warga emas. Individu yang lebih tua mengalami emosi yang sama ketika mengalami *body shaming* seperti yang dialami oleh generasi muda. Namun, ketidakmampuan mereka seperti kemampuan berjalan yang semakin lemah, penglihatan yang semakin buruk, rambut yang semakin banyak gugur serta keperluan pada bantuan alat-alat tertentu seperti kerusi roda, tongkat juga tidak terkecuali daripada dijadikan bahan buli.

### Cara menghentikan *body shaming*

Penting untuk diketahui, tidak ada seorang pun yang perlu berasa malu dengan berat badan, ukuran pakaian, atau bentuk tubuh. Berikut adalah beberapa hal yang dapat dilakukan untuk mengatasi *body shaming*, di antaranya :

1. Melawan stigma. Hingga kini stigma masih dikaitkan pada wanita yang memiliki berat badan berlebihan atau terlalu kurus. Apalagi hanya satu daripada 10 wanita dewasa benar-benar berasa selesa dengan tubuhnya. Hal itu disebabkan kerana sebahagian besar pandangan masyarakat umum mengajarkan bahawa wanita yang langsing lebih baik dibandingkan dengan yang gemuk. Untuk melawan stigma ini, awda harus berpandangan bahawa setiap orang dengan berbagai ukuran dan bentuk perlu dihargai. Orang tua dan keluarga biasanya dapat memainkan peranan penting dalam menyeimbangkan hal-hal negatif dengan contoh-contoh yang positif dan sihat.

2. Memberikan pujian. Dengan begitu banyak *body shaming* yang terjadi di dunia dan begitu banyak tekanan untuk memenuhi tahap kecantikan yang tidak realistik dan sering kali tidak dapat dicapai, sebenarnya penting bagi seorang perempuan mendapatkan pujian bahawa dirinya cantik. Tentu saja jangan jadikan pujian itu satu-satunya hal yang awda fokuskan, berikan pujian lebih daripada sekadar penampilan, misalnya, berikan juga pujian untuk kerja kuatnya, kebaikannya dan juga sikapnya.

3. Berterima kasih pada semua yang dilakukan oleh tubuh sendiri. Awda perlu

berfikir apa yang sudah tubuh awda lakukan untuk awda. Menghabiskan waktu untuk memandang tubuh *ideal* membuat awda tidak bersyukur. Setiap kali awda memiliki fikiran negatif tentang tubuh, awda harus menggantinya dengan ucapan rasa terima kasih yang sudah tubuh berikan, misalnya, awda masih diberikan kemampuan untuk bernafas. Meski hal ini terlihat sederhana, jika awda rutin melakukannya, dalam beberapa bulan hal tersebut dapat mengubah pandangan awda tentang tubuh awda.

4. Berhenti berfikiran negatif. Jika awda berdiri di depan cermin meratapi pinggul yang terlalu besar dan hal tersebut mengganggu hidup awda, cubalah untuk menghilangkan perasaan tersebut. Hentikan semua fikiran negatif tentang tubuh secara berterusan agar awda dapat menghentikan fikiran negatif.

5. Temukan sesuatu yang awda suka tentang tubuh awda. Meskipun awda memiliki bentuk tubuh yang negatif, cuba temukan sesuatu yang menarik daripada tubuh awda. Misalnya, awda menyukai gaya rambut baharu yang awda temukan. Selain dikaitkan dengan keadaan fizikal, carilah sesuatu yang bukan fizikal yang mampu membuat awda gembira setiap hari.

6. Berhenti mempermalukan diri sendiri. Setiap orang memiliki hari dan waktu yang buruk ketika mereka berasa ingin mengubah sesuatu tentang diri mereka sendiri. Cubalah untuk menerima diri awda daripada menyalahkan diri sendiri. Jika awda berada di sekitar orang-orang yang mengeluh tentang penampilan, hindarilah mereka, lakukan sesuatu yang membuat awda merasa gembira dengan penampilan diri sendiri.

### Kesimpulan

Cara paling baik dalam menghadapi *body shaming* adalah dengan menganggap ucapan tersebut sebagai pencetus untuk menjadi lebih baik lagi. Ingatlah tidak semua orang sempurna dalam hidup ini. Abaikan ejekan serta hinaan orang, buatlah perkara yang boleh menggembirakan awda daripada memikirkan *body shaming* yang dilontarkan kepada awda. Awda berhak untuk bahagia dan menikmati hidup ini dengan gembira.



## Inisiatif pendidikan Al-Quran di persekolahan ugama

Oleh : Pg. Vivy Maessa Pg. Ibrahim  
Foto : Ihsan Jabatan Pengajian Islam

**PENDIDIKAN** Al-Quran kepada kanak-kanak sangat penting kerana ia memberikan asas yang kuat dalam membentuk keperibadian, akhlak dan pemahaman agama sejak usia muda lagi.

It merupakan pelaburan jangka panjang yang bukan hanya memperkuuh keimanan mereka tetapi juga membina asas yang kuat untuk menjadi insan yang berakhlik mulia dan berjaya dalam kehidupan dunia dan akhirat.

### Inisiatif yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengajian Islam (JPI)

Alhamdulillah, sejak dulu lagi JPI telah giat melaksanakan pelbagai usaha bagi memperkasa pendidikan Al-Quran. Inisiatif-inisiatif tersebut bukan sahaja disasarkan kepada murid-murid, malah usaha juga dilaksanakan kepada guru-guru ugama bagi mengukuhkan pengajaran Al-Quran. Antara inisiatif-inisiatif tersebut iaitu :

- Pelaksanaan Sistem Pembelajaran Al-Quran Berkategori : Pembelajaran Al-Quran dibahagikan kepada lima kategori iaitu Alif, Ba, Jim, Dal dan Kategori Khas. Tujuannya untuk membolehkan murid-murid diajar mengikut tahap kebolehan; memudahkan proses pengajaran guru; dan memastikan semua murid-murid pandai membaca Al-Quran dengan fasih, lancar dan bertajwid.

• Skim Galakan Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun : Skim ini dilaksanakan sejak

tahun 1991 lagi di sekolah-sekolah ugama dan juga sekolah-sekolah Arab. Skim ini bertujuan bagi : Melahirkan generasi Brunei yang celik Al-Quran dalam kalangan murid dari usia muda; menggalakkan murid-murid khatam Al-Quran dengan baik sebelum mencapai umur 10 tahun; dan menjadikan budaya membaca Al-Quran sebagai amalan berterusan sepanjang hayat.

- Program Satu Minggu Satu Juzuk (1M1J) yang dilancarkan pada 1 Februari 2016 dan disasarkan kepada murid-murid persekolahan ugama yang boleh membaca Al-Quran pada tahap sangat baik (Kategori Alif dan Ba) serta mampu mengkhatamkan Al-Quran dalam tempoh yang ditetapkan (30 minggu mulai Februari hingga September). Murid-murid akan dibimbing oleh guru darjah atau guru Al-Quran setiap minggu secara konsisten sehingga khatam Al-Quran.

- Program Satu Bulan Satu Iqra (1B1I) yang dilancarkan pada 15 Mei 2018 dan disasarkan kepada murid-murid persekolahan ugama yang mempunyai potensi bacaan Al-Quran pada tahap sederhana dan rendah (Kategori Jim dan Dal) serta mampu menyelesaikan pembacaan buku Iqra dalam tempoh yang ditetapkan (mulai Februari hingga Ogos). Murid-murid akan dibimbing oleh guru darjah atau guru Al-Quran sepanjang program ini dilaksanakan sehingga selesai pembacaan buku Iqra 6.

- Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) mula diperkenalkan pada tahun 1997 dan dikendalikan oleh Bahagian Pelajaran Lanjutan, JPI. Pelajar-pelajar yang berumur 12 tahun ke atas yang mencapai kriteria penilaian akan ditawarkan untuk mengikuti skim tersebut bagi Peringkat Asas selama

dua tahun. Skim ini dijalankan setiap Jumaat dan Ahad dari pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi. Skim ini berpusat di empat buah sekolah iaitu satu pusat bagi setiap daerah. Dalam skim ini, pelajar-pelajar dilatih dan dibimbing dalam pembacaan Al-Quran melalui lagu-lagu tilawah yang masyur dan dapat melahirkan pembaca Al-Quran yang berpotensi dan dihasratkan sebagai pelapis qari dan qariah negara peringkat kebangsaan.

### Inisiatif bagi guru-guru ugama dalam memperkasa pendidikan Al-Quran

JPI melalui Bahagian Sekolah Ugama telah berusaha meningkatkan keupayaan guru-guru ugama dalam kemahiran pembacaan Al-Quran melalui Program Tahsin Qira'atil Quran bermula pada Jun 2021. Program ini adalah bagi mendukung dan mencapai matlamat utama mata pelajaran Al-Quran iaitu untuk menjadikan semua murid pandai membaca Al-Quran dengan baik, lancar dan bertajwid melalui guru yang berkemahiran.

Alhamdulillah, usaha ini telah mendapat perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepertimana titah baginda pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, "Beta mengambil maklum bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui JPI telah melaksanakan Program Tahsin Qira'atil

Quran yang mula diperkenalkan pada tahun 2021. Ini adalah rancangan yang bagus untuk meningkatkan kemahiran para guru ugama dalam pembacaan Al-Quran. Beta percaya, pelaksanaan rancangan ini mampu untuk menghasilkan guru-guru ugama yang berkualiti dalam pembacaan Al-Quran".

### Inisiatif melibatkan agensi-agensi kerajaan, swasta

Alhamdulillah, menyentuh mengenai kerjasama dengan agensi lain ini, Radio Televisyen Brunei (RTB) melalui Unit Kanak-kanak TV telah bekerjasama dengan JPI untuk menerbitkan rancangan TV 'Mari Mengaji'. Rancangan tersebut merupakan sebuah rancangan berkonsepkan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran dalam kelas dengan objektif bagi mendedahkan kaedah pembacaan ayat-ayat Al-Quran yang betul, memahami hukum-hukum tajwid serta memupuk minat dan galakan dalam kalangan murid-murid serta para penonton untuk menjadikan Al-Quran sebagai budaya hidup dan amalan harian. Pengisian pengajaran dan pembelajaran ayat-ayat Al-Quran adalah diambil daripada sukanan mata pelajaran Al-Quran di persekolahan ugama.

Rancangan tersebut mempunyai 13 episod dan telah mula disiarkan di saluran RTB Aneka pada setiap Khamis pukul 4.00 petang bermula 13 Jun 2024. Siaran ulangan rancangan turut disiarkan pada saluran yang sama pada setiap Jumaat pukul 10.15 pagi. Episod akhir rancangan berkenaan telah pun disiarkan pada minggu pertama bulan September, 2024.

Mudah-mudahan inisiatif seperti ini dapat menjadikan kanak-kanak sebagai generasi yang meneruskan ajaran Islam. Mendidik mereka dengan Al-Quran pada usia muda dapat memastikan kesinambungan ilmu agama dan menjadikan mereka pemimpin yang baik dalam keluarga dan komuniti kelak.





# POLIS TAHAN WARGA THAILAND SELUDUP GANJA BERNILAI LEBIH RM16,000

KOTA BHARU, 28 Oktober. -

ditahan kerana disyaki menyeludup ketulan mampat daun ganja seberat 5 kilogram (kg)

## Mario Balotelli kembali ke Serie dengan sertai Genoa

ROM, 29 Okt. - Penyerang veteran, Mario Balotelli telah kembali ke Itali dengan menyertai Genoa dalam perjanjian jangka pendek.

Penyertaan Balotelli disahkan oleh kelab Serie A itu pada Isnin.

Balotelli yang memulakan kariernya di akademi belia Inter Milan telah bermain untuk beberapa kelab terkenal, termasuk Manchester City, AC Milan dan Liverpool dengan pengalaman terakhirnya di Serie A pada musim 2019-2020 bersama Brescia.

Digelar 'Super Mario', Balotelli tidak terikat dengan mana-mana kelab sejak kontraknya dengan kelab Liga Super Turkiye, Adana Demirspor tamat pada musim panas ini.

Ini membolehkan ejen bebas berusia 34 tahun itu menandatangani kontrak dengan Genoa pada bila-bila masa sepanjang musim.

Balotelli telah menandatangani perjanjian sehingga penghujung musim ini dan akan memakai jersi nombor 45 kegemarannya.

Genoa bergelut dengan masalah kecederaan musim ini dan kini menduduki tangga ke-18 selepas sembilan perlawanan. - ©BERNAMA

## Seorang terbunuuh dalam pergaduhan penyokong 2 kelab bola sepak di Brazil

SAO PAULO, 28 Okt. - Seorang terbunuuh dan lebih sedozen yang lain cedera dalam insiden pergaduhan membabitkan penyokong dua kelab bola sepak di Brazil awal pagi Ahad, menurut Sekretariat Keselamatan Sao Paulo, lapor Xinhua.

Menurut laporan polis, penyokong Palmeiras telah menyerang penyokong pasukan Cruzeiro sebelum perlawanan di sepanjang lebuh raya di negeri Sao Paulo, tenggara Brazil, ketika mereka dalam perjalanan ke Belo Horizonte untuk perlawanan itu.

"Menurut maklumat awal, penyokong Cruzeiro diserang hendak oleh penyokong Palmeiras," kata sekretariat itu dalam satu kenyataan.

Mangsa yang maut dikenali sebagai Jose Miranda, 30, seorang penyokong Cruzeiro. Pihak berkuasa melaporkan bahawa penyokong Palmeiras membakar sekurang-kurangnya dua bas dan menggunakan kayu semasa serangan berkenaan.

Pengurusan kedua-dua kelab mengecam keganasan itu. - ©BERNAMA

## Usaha padam kebakaran tapak kitar semula Pengkalan Chepa dijangka tiga hari

KOTA BHARU, 28 Oktober. - Operasi memadam kebakaran sebuah tapak pengumpulan bahan kitar semula di Jalan Padang Tembak, Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa di sini, dijangka selesai dalam tempoh tiga hari.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Kota Bharu Zukeri Shafei berkata hal ini berikutkan bahan kitar semula di lokasi kejadian merupakan 100 peratus bahan bakar seperti getah, plastik dan kain yang menyukarkan operasi pemadam.

Beliau berkata cabaran bomba adalah untuk memadam api di bahagian bawah timbunan bahan kitar semula kerana ketinggian antara tiga hingga empat meter dan dijangkakan 60 peratus api masih ada di kawasan itu.

"Justeru, strategi kita hari ini akan padam api di kawasan dalam timbunan itu sebab semalam kita sudah berjaya kawal api di kawasan sekililing daripada merebak ke kilang-kilang berdekatan," katanya kepada pemberita di lokasi kejadian hari ini.

Sementara itu, tinjauan Bernama di lokasi kejadian mendapat operasi memadam kebakaran di tapak pengumpulan bahan kitar semula berkenaan masih diteruskan.

Selain itu, terdapat kepulan asap putih yang tebal kerana kebakaran itu melibatkan bahan-bahan sisa pepejal antaranya getah, PVC dan plastik-plastik yang dikitar semula dengan melibatkan 1.5 ekar kluasan kebakaran.

Semalam, sebuah tapak pengumpulan bahan kitar semula berkenaan terbakar 80 peratus pada kira-kira 6 petang dan 40 anggota bomba bersama lima jentera dan empat tanker air terlibat dalam usaha memadam kebakaran itu. - ©BERNAMA

dianggarkan bernilai RM16,014 di sebuah stesen minyak di Salor di sini, semalam.

Komander Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid dalam kenyataan hari ini berkata dadah berkenaan ditemukan dalam sebuah van dipandu oleh suspek yang berusia 67 tahun itu.

"Polis turut merampas pasport Thailand milik suspek, sebuah van

dan dua unit telefon bimbit.

"Kes ini disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 manakala suspek dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Bharu untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Dalam kejadian berasingan, polis menahan seorang lelaki tempatan berperanan sebagai tekong dan tujuh wanita warga Myanmar yang disyaki diseludup

masuk ke negara ini menggunakan kereta di Jalan Pak Keral, Tumpat.

Nik Ros Azhan berkata hasil pemeriksaan kesemua tujuh warga asing itu gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah dan kes disiasat di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 manakala tekong disiasat mengikut Seksyen 26J Akta ATIPSONM 2007. - ©BERNAMA

## Thailand lancar Festival Musim Sejuk tarik pelancong antarabangsa

BANGKOK, 29 Okt. - Thailand melancarkan Festival Musim Sejuk, menganjurkan beberapa siri acara meriah yang berlangsung dari November hingga Disember bertujuan untuk menjadikan negara gajah putih itu sebagai destinasi acara global.

Dianjurkan Pihak Berkuasa Pelancongan Thailand (TAT) di bawah Kementerian Pelancongan dan Sukan, festival ini merupakan usaha kerjasama melibatkan sektor awam dan swasta untuk mencipta pengalaman yang tidak dapat dilupakan bagi pengunjung.

Dari November hingga Disember tahun ini, Festival Musim Sejuk Thailand akan menampilkan sambutan akhir tahun dengan tujuh tema unik, termasuk Festival Loi Krathong, Acara Kiraan Detik Tahun Baharu, Acara Sukan, Acara Kebudayaan, Festival Makanan, Festival Muzik dan Festival Pencahayaan.

Perdana Menteri Paetongtarn

Shinawatra berkata kerajaan komited menjadikan pelancongan sebagai pemacu utama ekonomi negara, mewujudkan pekerjaan, mengagihkan pendapatan kepada komuniti tempatan, serta memperluas jangkauan pelancongan Thailand di pasaran global dengan matlamat menjadikan Thailand sebagai destinasi terkemuka di Asia Tenggara.

"Kerajaan sedang memajukan dasar 'Ignite Thailand Tourism', yang memanfaatkan kuasa lembut budaya Thailand untuk mempromosikan festival, aktiviti, dan acara yang penting bagi pertumbuhan ekonomi mamparn serta meningkatkan imej Thailand sebagai destinasi acara bertaraf dunia," katanya dalam ucapan perasmian semasa pelancaran rasmi di Rumah Kerajaan pada Selasa.

Di bawah tema '7 Keajaiban Thailand', siri festival ini akan menampilkan barisan acara luar

biasa di seluruh negara. Menteri Pelancongan dan Sukan Sorawong Thienthong pula menegaskan Thailand sedang maju ke arah menjadi hab acara bertaraf dunia melalui usaha gabungan Kementerian Pelancongan dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Pentadbiran Metropolitan Bangkok, serta pelbagai pihak berkepentingan sektor awam dan swasta.

"Kerjasama ini direka untuk meningkatkan festival tradisional Thailand mengikut piawai antarabangsa, menonjolkan budaya tempatan untuk khalayak global. Dengan menganjurkan acara bertaraf dunia dalam festival muzik, sukan, dan kebudayaan, inisiatif ini bertujuan merancakkan pelancongan domestik dan antarabangsa, memanjangkan tempoh penginapan, dan meningkatkan perbelanjaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi," jelasnya. - ©BERNAMA

## Angka korban ribut tropika Trami di Filipina meningkat kepada 116, 39 masih hilang

MANILA, 28 Okt. - Angka korban akibat banjir besar dan tanah runtu yang dicetuskan oleh ribut tropika Trami yang melanda Filipina minggu lalu meningkat kepada 116 orang, dengan sekurang-kurangnya 39 orang masih hilang, lapor Xinhua.

Majlis Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana Kebangsaan (NDRRMC) Filipina pada Isnin memaklumkan ribut tropika Trami menyebabkan hujan lebat di negara itu bersamaan dengan taburan hujan untuk dua bulan, menjelaskan lebih 6.7 juta orang di 17 wilayah Filipina.

Operasi pencarian bagi 39 mangsa yang hilang, sama ada tertimbus dalam tanah runtu atau dihanyutkan banjir masih diteruskan.

Trami, taufan ke-11 yang membabitai Filipina tahun ini

menyebabkan kemasuhan besar di Pulau Luzon, terutamanya di wilayah Bicol dan Calabarzon, serta kawasan di Filipina tengah dan selatan.

Tiga hari selepas Trami meninggalkan Filipina pada Jumaat, mangsa bencana masih menunggu bekalan makanan dan air bersih. Banyak kawasan masih kekurangan air minuman atau elektrik.

Beberapa mangsa yang terpaksa meninggalkan rumah mereka akibat banjir mula kembali ke rumah masing-masing apabila banjir mulai surut pada Sabtu.

Bagaimanapun, NDRRM berkata kira-kira 1 juta orang yang kehilangan tempat tinggal masih berada di pusat pemindahan atau menumpang di rumah saudara-mara.

Kerugian yang dianggarkan

akibat kerosakan infrastruktur ialah 1.54 bilion peso (kira-kira US\$26.35 juta), manakala kerugian dalam sektor pertanian dianggarkan 2.5 bilion peso (US\$43 juta).

Filipina sedang bersiap sedia untuk menghadapi lebih banyak hujan berikutan impak satu lagi siklon tropika, Kong-rey yang bertukar menjadi ribut tropika teruk pada pagi Isnin di Laut Filipina, 755 kilometer (km) ke timur Pulau Luzon.

Kong-rey ialah siklon tropika ke-12 yang melanda Filipina tahun ini. Bergerak ke arah barat pada kelajuan 20 km sejam, Kong-rey membawa angin berkelajuan 95 km sejam dengan tiupan sehingga 115 km sejam.

Secara purata, 20 taufan melanda Filipina setiap tahun. - ©BERNAMA

# SAINTIS TEMUKAN ULAT MEALWORM UNTUK TANGANI SISA PLASTIK



NAIROBI, 29 Okt. – Para saintis di Pusat Fisiologi dan Ekologi Serangga Antarabangsa (ICIPE) yang berpangkalan di Nairobi pada Isnin mengumumkan penemuan yang menjanjikan bagi menangani masalah sisa plastik melalui ulat mealworm kecil.

Saintis di ICIPE mendapati larva spesies kumbang gelap yang dikenali dengan nama saintifik 'Alphitobius' mampu memakan plastik yang menyumbang kepada pencemaran global, lapor Xinhua.

Saintis kanan ICIPE dan ketua penyelidik kajian, Fathiya Khamis berkata penyelidik juga telah mengenal pasti satu konsortium bakteria penting dalam usus

mealworm yang membantu dalam pencernaan plastik.

"Walaupun sering dianggap sebagai cacing biasa, mealworm ialah larva kumbang gelap. Di seluruh dunia, larva spesies kumbang gelap yang dipanggil 'Tenebrio molitor' digunakan untuk menguraikan plastik secara biodegradasi," kata Khamis dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Nairobi.

Beliau berkata bahawa walaupun Afrika hanya menghasilkan lima peratus dan menggunakan empat peratus plastik global, terdapat peningkatan dalam penggunaan plastik sekali guna, menjadikan

benua itu kedua paling tercemar. Khamis berkata saintis menguji keupayaan ulat mealworm kecil untuk memakan polistirena.

"Pengetahuan ini boleh dimanfaatkan untuk menangani pencemaran sisa plastik sambil memaksimumkan manfaat mealworm, yang merupakan sebahagian daripada populasi serangga yang kaya dengan nutrien dan boleh dimakan," kata Abdou Tenkouano, ketua pengarah ICIPE.

Beliau berkata kajian ICIPE juga memperluaskan pengetahuan mengenai bioremediation, iaitu penggunaan mikroorganisma untuk membersihkan ekosistem

yang tercemar, termasuk tanah dan air bawah tanah.

Penyelidik bersama, Evelyne Ndotono berkata pasukan penyelidik sedang menjalankan kajian tambahan untuk memahami proses mealworm memakan polistirena serta untuk mengetahui sama ada ia memperoleh sebarang manfaat pemakanan daripada bahan itu.

Beliau menjelaskan bahawa sisa polistirena berasal daripada aplikasi komersial bentuk paling biasa, Styrofoam, yang digunakan dalam bekas penyimpanan makanan, pembungkusan peralatan, pinggan dan cawan pakai buang, serta penebat dalam pembinaan. – ©BERNAMA

## Trump dahului Harris di 7 negeri penting seminggu sebelum hari pengundian

WASHINGTON, 29 Okt. – Bekas Presiden Donald Trump mendahului tipis pesaingnya di peringkat nasional sebanyak 0.1 peratus dan kekal di hadapan di tujuh negeri penting dengan purata 0.9 peratus hanya seminggu sebelum rakyat Amerika Syarikat (AS) memilih Presiden ke-47 mereka.

Purata tinjauan yang dihimpunkan laman sesawang RealClearPolitics menunjukkan Trump, calon presiden Parti Republikan dan Naib Presiden Kamala Harris, calon Parti Demokrat bersaing rapat di peringkat nasional menjelang pilihan raya 5 Nov, lapor Agensi Anadolu. Bagaimanapun, Trump mendahului di negeri-negeri penting yang akan menjadi penentu kepada keputusan perlumbaan itu.

Kelebihan Trump paling tipis di Michigan, Wisconsin, Pennsylvania, Nevada dan North Carolina dengan bekas presiden itu mendahului masing-masing dengan 0.1 peratus, 0.3 peratus, 0.5 peratus, 0.7 peratus dan 0.8 peratus. Beliau mendahului 1.5 peratus di Nevada dan 2.3 peratus

di Georgia.

Negeri-negeri ini penting kerana rakyat AS tidak memilih presiden secara langsung. Sebaliknya, proses ini berlaku melalui Badan Perwakilan Pemilih di mana 538 wakil membuat undian mereka berdasarkan keputusan di negeri masing-masing.

Mana-mana calon yang berjaya mendapatkan 270 undi Badan Perwakilan Pemilih akan memenangi pilihan raya. Wakil pemilih diberikan kepada negeri-negeri berdasarkan populasi mereka, dan kebanyakan negeri memberikan semua undi pemilih kepada calon yang memenangi undi popular di negeri berkenaan.

Model "winner-take-all" ini tidak diterapkan di Nebraska dan Maine, yang sebaliknya memperuntukkan undi mereka secara berkadar berdasarkan keputusan akhir.

Menurut laporan, tinjauan yang dijalankan pada Ogos menunjukkan Harris mendahului Trump di Michigan dan Wisconsin, namun kelebihan beliau hilang dalam tempoh dua bulan yang lepas, begitu juga dengan kelebihan sekali beliau di Georgia, – ©BERNAMA

Nevada, dan Pennsylvania.

Sekiranya Trump memenangi kesemuanya tujuh negeri penting itu, beliau akan melebihi jumlah undi pemilih yang diperlukan untuk menang, dengan 312 undi pemilih, meninggalkan Harris dengan 226.

Hakikat bahawa Badan Perwakilan Pemilih yang akhirnya menentukan pemenang perlumbaan presiden telah menyebabkan pemenang kalah dalam undi popular sebanyak dua kali dalam tempoh 25 tahun yang lepas, termasuk kemenangan Trump pada 2016 apabila beliau menerima hampir tiga juta undi kurang daripada bekas Setiausaha Negara, Hillary Clinton.

Lazimnya pemenang presiden diumumkan lewat malam pilihan raya, namun pada 2020, ia mengambil masa empat hari untuk pengumuman pemenang dibuat berikutkan margin kemenangan yang sangat kecil di beberapa negeri, termasuk Georgia di mana pihak berkuasa pilihan raya menggarahkan pengiraan semula undi secara manual yang mengambil masa beberapa hari untuk diselesaikan. – ©BERNAMA

## ADB terbitkan bon biodiversiti dan alam semula jadi yang pertama

MANILA, 29 Okt. - Bank Pembangunan Asia (ADB) pada Selasa mengumumkan ia menerbitkan bon bertemakan biodiversiti dan alam semula jadi yang pertama untuk membiayai sekumpulan projek yang layak di seluruh Asia dan Pasifik, lapor Xinhua.

Diumumkan semasa mesyuarat ke-16 Persidangan Pihak-pihak

(COP16) Konvensyen Kepelbagai Biologi (CBD) di Cali, Colombia, bon itu diterbitkan di bawah program Bon Bertema Pembangunan Mampan ADB dengan kerjasama Kumpulan Alam Sekitar bank berkenaan.

Menurut bank itu, terbitan bon 10 tahun bernilai kira-kira US\$100 juta itu dibeli oleh Dai-ichi Life Insurance Company, Limited dari

Jepun dan diatur oleh Credit Agricole CIB.

Bank pembangunan yang berpangkalan di Manila itu juga memaklumkan, bakal melancarkan Pelan Tindakan Alam Sekitar 2024-2030 : Ke Arah Asia dan Pasifik yang Mesra Alam Semula Jadi, dijangka menyediakan pelan hala tuju bagi aktivitinya untuk menangani perubahan iklim, kehilangan biodiversiti, dan pencemaran. - ©BERNAMA

## Filipina arah penduduk berpindah ketika taufan Kong-Rey semakin hampir

MANILA, 29 Okt. - Pihak berkuasa Filipina mengeluarkan arahan pemindahan di kawasan berisiko tinggi susulan Ribut Tropika Kong-Rey semakin menghampiri pantai timur laut negara itu pada Selasa.

Kong-Rey, yang turut dikenali sebagai Leon hampir mencapai kategori taufan, dengan angin berkelajuan 110 kilometer sejam dan tiupan sehingga 135 kilometer sejam, menurut biro cuaca negara, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Amaran ribut dikeluarkan di 21 wilayah, termasuk lima wilayah

yang baru-baru ini dilanda Ribut Tropika Trami, menyebabkan 125 kematian dan lebih 935,000 orang hilang tempat tinggal, menurut agensi bencana nasional.

Kebanyakan kes kematian berpunca akibat banjir dan tanah runtuh di wilayah Bicol di timur dan wilayah Batangas, Cavite, Laguna, Quezon, serta Rizal.

Sebanyak 28 orang masih hilang, manakala 115 cedera, menurut agensi bencana itu.

Pihak berkuasa mengarahkan penduduk di kawasan berkenaan supaya mengambil langkah

berjaga-jaga dan mematuhi arahan berpindah sebelum hujan lebat melanda.

"Langkah ini sangat penting untuk menyelamatkan nyawa."

"Bertindak secara proaktif akan menyelamatkan nyawa; lebih baik bertindak sekarang daripada menyesal kemudian," kata Setiausaha Pertahanan, Gilberto Teodoro dalam satu kenyataan lewat Isnin.

Kong-Rey dilaporkan berada kira-kira 645 kilometer di timur bandar Tuguegarao di wilayah Cagayan, menurut biro cuaca. - ©BERNAMA

berjaga-jaga dan mematuhi arahan berpindah sebelum hujan lebat melanda.

"Langkah ini sangat penting untuk menyelamatkan nyawa."

"Bertindak secara proaktif akan menyelamatkan nyawa; lebih baik bertindak sekarang daripada menyesal kemudian," kata Setiausaha Pertahanan, Gilberto Teodoro dalam satu kenyataan lewat Isnin.

Kong-Rey dilaporkan berada kira-kira 645 kilometer di timur bandar Tuguegarao di wilayah Cagayan, menurut biro cuaca. - ©BERNAMA

## China sasar pendaratan angkasawan di Bulan menjelang 2030

JIUQUAN (China), 29 Okt. - China sedang giat melaksanakan misi untuk menghantar angkasawan ke Bulan menjelang 2030, dengan pembangunan dan pembinaan dijalankan dengan pantas bagi merealisasikan matlamat ini, menurut China Manned Space Agency (CMSA) dalam satu sidang media pada Selasa.

Pengeluaran dan ujian darat prototaip roket pengangkut Long March-10, kapal angkasa Mengzhou, *lunar lander* Lanyue, sut angkasa, dan rover Bulan yang membawa angkasawan kini sedang dijalankan mengikut perancangan, kata Lin Xiqiang, jurucakap CMSA, lapor agensi berita Xinhua.

Satu siri ujian utama berjaya diselesaikan, termasuk ujian pemisahan dua modul pendarat dan ujian simulasi altitud tinggi untuk enjin hidrogen-oksigen.

Sistem darat termasuk tapak pelancaran, komunikasi kawalan dan telemetri, serta tapak pendaratan sedang dibangunkan dan dibina, menurut CMSA. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



SEKITAR Majlis Perasmian Brunei Premier Futsal League (BPFL) 2024/25 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan, Universiti Brunei Darussalam (kiri dan kanan).

**TUNGKU LINK**, Selasa, 29 Oktober. - Sebanyak lapan pasukan Brunei Premier Futsal League (BPFL) 2024/25 memulakan kejohanan berkenaan dengan Majlis Perasmian Perlawanan yang berlangsung malam tadi di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian kejohanan berkenaan, Pengurus Jawatankuasa Tetap Pertandingan Futsal Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Pengiran Haji Kamarunsalehin bin Pengiran Haji Kamis.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengurus Am Yakin

Football League (YFL), Awang Jasiswandy bin Jasni.

Awang Jasiswandy dalam ucapannya antara lain menjelaskan bahawa kejayaan dalam membangunkan sukan futsal hanya dapat dicapai menerusi kerjasama erat daripada semua pihak untuk memastikan perkembangan futsal di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Beliau seterusnya melahirkan keyakinan dengan menerusi usaha berterusan, mutu permainan futsal di negara ini akan dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi.

Acara diteruskan lagi dengan tetamu kehormat dijemput untuk menyempurnakan perasmian kejohanan berkenaan dan juga turut diperkenalkan kepada para pemain dan pengurus pasukan.

Seterusnya, majlis menyaksikan perlawanan pembukaan di antara Syahkampong menentang PES yang dimenangi oleh PES dengan keputusan 8-2.

Gol bagi Syahkampong dijaringkan oleh Muhd. Iqemal dan Muhd. Asyri.

Manakala jaringan bagi PES pula dijaringkan oleh Muhd Nur Iman Hakimi dan Khairun Nadzereen dengan masing-masing menjaringkan tiga gol, diikuti dengan dua jaringan yang disumbangkan oleh Muhammad Huzaime dan Haji Abdul Aziz.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies dan YFL, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang; Ketua Pegawai

Eksekutif HiTUNE Group of Companies dan YFL, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffery serta Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD.

BPFL 2024/25 disertai oleh pasukan-pasukan seperti FC Phosphor, Street United FC, Silveredz FC, MS SSBD, MS PPDB, Hars Elite FT, Syahkampong dan PES.

BPFL 2024/25 yang dianjurkan oleh YFL turut memperkenalkan format baharu, iaitu Divisyen 1, Brunei Elite Futsal League dan Divisyen 2, BPFL.

BFL menjadi medan untuk menggilap bakat pemain, sekali gus menjadi platform bagi memperkuuh dan meningkatkan pembangunan sukan futsal yang mampan dan berdaya saing di NBD.

## Harimau Malaya akan diuji Laos, India, November ini

**KUALA LUMPUR**, 28 Okt. - Skuad Harimau Malaya akan menentang Laos di Bangkok, Thailand pada 14 November ini sebelum terbang ke India bagi perlawanan persahabatan menentang negara tersebut dalam kalendar antarabangsa Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) bulan depan.

Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) menerusi kenyataan hari ini memaklumkan pasukan kendalian Pau Marti Vicente akan menghadapi perlawanan pertama menentang

Laos di Stadium Port Authority of Thailand (PAT) di Bangkok pada 14 November sebelum menentang India pada 19 November ini.

"Laos bertindak sebagai tuan rumah kerana Stadium Nasional Lao KM16 di Vientiane, Laos, digunakan untuk perlawanan pusingan ketiga kelayakan Piala Dunia 2026 antara Korea Utara menentang Iran pada tarikh berkenaan," menurut kenyataan tersebut.

FAM memaklumkan Laos memilih Bangkok sebagai venue perlawanan bertemu

Malaysia disebabkan mereka selepas itu akan menentang Thailand, juga di Bangkok untuk perlawanan kedua pada 17 November ini.

Bagaimanapun, badan induk sukan itu memaklumkan venue perlawanan menentang India akan diumumkan dalam masa terdekat.

Berdasarkan ranking terkini FIFA, Malaysia kini menghuni tangga ke-133 manakala India dan Laos masing-masing berada di kedudukan ke-125 dan 187.

Kali terakhir Malaysia bertemu Laos ialah pada Piala AFF 2022 dengan kemenangan 5-0 di peringkat kumpulan di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini dan menewaskan India 4-2 pada saingan Pestabola Merdeka 2023.

Kedua-dua perlawanan persahabatan antarabangsa ini merupakan tonik terbaik buat Malaysia yang diundi dalam Kumpulan 'A' Kejohanan ASEAN 2024 bermula Disember ini bersama juara bertahan Thailand serta Kemboja, Singapura dan Timor-Leste. ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

MEMANFAATKAN MASA DENGAN SEBAIKNYA